

PEMBAHAGIAN PUSAKA (FARĀID) MENURUT  
AMALAN ADAT PERPATIH SECARA UMUM.  
PERBANDINGAN DENGAN PUSAKA  
ISLAM

JAMILAH HUSSIN

PENYELIA : USTAZ SADEK@LABACHOK  
MAMBLI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANAMUDA  
PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

SESI 1986/87

2.1 AMALAN PEMBAHAGIAN PUSAKA MENURUT ADAT PERPATIH2.11 Kedudukan harta pusaka di dalam Adat Perpatih

Jika di dalam masaaalah perkahwinan dan perceraian hukum Syara<sup>c</sup> besar pengaruhnya atas hukum Adat Perpatih, maka dalam masaaalah pewarisan serta pembahagian harta hukum Adat Perpatih tetap bertahan dan jarang sekali dipengaruhi oleh peraturan lain, terutamanya mengenai tanah. Menurut konsep umum Adat Perpatih, sistem kewarisannya adalah bersifat kolektif, iaitu setiap ahliwaris tidak mempunyai haq milik atas harta peninggalan atau harta pusaka, tetapi hanya mempunyai hak pakai.<sup>1</sup> Pada dasarnya harta pusaka ialah harta kepunyaan suku/perut.<sup>2</sup> Suku dianggap sebagai pengawal harta dan setiap ahli suku berhak terhadap harta itu.

Tanah pusaka iaitu yang turun temurun di dalam suku itu tidak boleh dijual beli.<sup>3</sup> Ianya merupakan warisan mengikut susur galur keturunan perempuan.

---

<sup>1</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975), hlm. 116

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 113

<sup>3</sup> M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm.

Haq mereka cuma disebut sebagai 'genggam nan beruntuk', boleh dipindah haq milik kepada yang lain tetapi tidak boleh ditukar nama.

Pusaka ini hanya boleh dipindah milik di dalam suku dan keizinan Lembaga adalah diperlukan pada sebarang penjualan nya terhadap harta itu.<sup>1</sup> Harta pusaka yang diwariskan itu biasanya mengandungi tanah kampung, tanah sawah dan sebuah rumah adat.<sup>2</sup>

Organisasi bersuku dan perkahwinan bercorak exogami telah menjadikan suatu yang amat penting dalam menetapkan haq milik tanah kepada kaum perempuan yang dianggap sebagai ahli yang kekal di dalam masyarakat adat.<sup>3</sup> Tanah pesaka ini akan kekal di dalam perlindungan kaum perempuan di dalam suku. Untuk mencapai maksud ini, adat telah menetapkan setiap ahli perempuan mendapat haq bersama terhadap sebidang tanah adat.

---

<sup>1</sup> M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, hlm. 23

<sup>2</sup> Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 65

<sup>3</sup> Mohd din Ali, "Two Forces in Malay Society," hlm. 33

Mereka dianggap waris pusaka.<sup>1</sup> Tanpa harta pusaka, seorang perempuan itu tidak ada tempat dalam Adat Perpatih, dianggap anak dagang.<sup>2</sup>

Nyawa terletak di atas badan

Badan terletak di atas harta

Pengurniaan tanah pusaka ini adalah sebagai penghargaan terhadap kedudukan kaum perempuan.

---

<sup>1</sup> Di dalam buku 'Asal-usul Adat Perpatih N. Sembilan' dinyatakan waris Pesoko itu ialah yang menjadi penggalang badan(perempuan). Setelah Perpatih menyusun adat di Negeri Sembilan, baginda pun bertitah : 'Mulai dari hari ini segala harta tanah pusaka hendaklah diberikan kepada waris pesoko (perempuan) kerana dia bersifat lemah dan dia juga telah dapat menebus malu bapa saudaranya semasa bahteranya hendak belayar dahulu'. Semenjak itu anak-anak perempuan digelar waris pesoko pentawar sedingin, peti bernian. Pentawar sedingin bererti lemah lembut dan manis mulutnya, Peti bernian bererti tempat simpanan benih keturunan iaitu sebagai ibu yang akan melahirkan zuriat nanti.

Nordin Selat pula menyatakan di dalam bukunya 'Sistem Sosial Adat Perpatih' :

Terbit pusaka paka

Silaki-laki menyandang pusaka

Siperempuan yang punya pusaka

Orang semenda yang membela

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 113



Tidak ragu-ragu lagi, pemilikan tanah secara adat telah berjalan dengan baik sehinggalah kedatangan Islam kemudiannya menambahkan kekuatannya lagi. Keluarga-keluarga di daerah-daerah di Negeri Sembilan telah mendaftarkan di dalam pemilikan tanah-tanah sawah baru mereka atas nama 'Customary'. Ini bererti tanah itu dijadikan pusaka kepada isteri dan anak-anak perempuan mereka nanti.<sup>1</sup> Tiap-tiap tanah pusaka hanya sah sebagai tanah pusaka jika ada tanda 'Customary land' pada gerannya.<sup>2</sup>

Sistem pusaka di dalam Adat Perpatih telah memberikan status dan penghormatan kepada kaum perempuan di dalam suku. Ianya akan menjaga kaum ibu dan anak-anak mereka daripada gejala kemiskinan dan penderitaan. Ini akan mengurangkan pergantungan mereka terhadap pihak lelaki dan suami. Sementara itu pula keluarga lelaki akan merasa senang hati dengan melihat saudara-saudara perempuan mereka diberikan kesempurnaan secukupnya. Kaum perempuan yang disebut sebagai 'bonda Kandung' yang akan melahirkan anggota-anggota masyarakat perlu ditentukan kualitinya untuk menjamin baik buruknya generasi akan datang.

Kalau kurik ibunya,

Rintik anaknya

Pemberian tanah pusaka menjamin kehidupan mereka dan dapat mendidik anak-anak. Bagi lelaki, apabila mereka telah berkahwin, mereka akan berpindah umpama 'enau mencari sigai, enau tetap sigai berganjak'. Pemberian tanah pusaka ini bukanlah

menganggap perempuan itu lebih tinggi daripada lelaki tetapi pertolongan terhadap yang lemah. Lelaki mempunyai tenaga yang lebih akan mampu mencari rezki yang lebih dari pihak perempuan. Mereka juga boleh diam di mana-mana sedangkan perempuan tidak manis berperlakuan sedemikian. Perempuan sebagai maruah sesuatu suku yang perlu dijaga. Mereka perlu diberikan kedudukan ekonomi yang mantap beserta kawalan dari lelaki. Berdasarkan keadaan yang berbeza ini menjadikan harta pusaka itu warisan kepada pihak perempuan. Seperti yang diketahui tanah pusaka ini boleh bertambah tetapi tidak boleh berkurangan. Membuat pertambahan terhadap harta pusaka merupakan suatu kemestian yang besar dinamakan 'pusaka tolong'. Anggota lelaki digalakkan mencari rezki dan membawanya pulang ke tempat asal.

Menurut adat, anggota lelaki di dalam suku terkeluar sama sekali dari memiliki pusaka. Mereka tidaklah merasa kurang berpuashati dengan keadaan ini kerana digantikannya melalui sistem perkahwinan exogami bersuku.<sup>1</sup> Apabila seorang lelaki berkahwin dengan perempuan dari suku yang lain, isterinya akan menyediakan tanah, sawah dan rumah melalui perkongsian harta adat mereka. Jadi lelaki tidak perlu lagi untuk bersusah payah di dalam hal ini. Di waktu perkahwinan ini mereka akan berada di dalam tanggungjawab pihak isterinya dan memasuki suku isterinya itu. Dengan itu kita melihat seorang ibu di dalam adat Perpatih itu akan menyediakan untuk anak-anak perempuan mereka sebuah rumah seorang di dalam

---

<sup>1</sup> Mohd Din Ali, " Two Forces in Malay Society ",  
hlm. 33

kawasan tanah pusaka bagi kemudahan mereka setelah berkahwin. Tidak hairanlah jika didapati banyak rumah-rumah terkumpul di dalam satu-satu kawasan tanah pusaka itu.

Anak-anak lelaki walau pun mereka tidak berhak ke atas harta pusaka adat ini, mereka juga berhak terhadap hasil tanah pusaka yang mungkin dia sendiri menanamnya atau tanaman ibubapanya dahulu.<sup>1</sup> Di samping itu ada pula harta pusaka yang disebut harta pusaka sendiri yang dapat dibahagi-bahagikan kepada anak lelaki dan perempuan menurut jenis harta itu.<sup>2</sup>

Anak lelaki yang tidak berkahwin mempunyai hak untuk menduduki tanah atau rumah pusaka ibu itu. Kaum perempuan bertanggungjawab di atas kesempurnaan mereka. Sekiranya tiada ibu, menjadi kewajipan saudara-saudara perempuan yang lain atau sesiapa sahaja yang menduduki tanah pusaka itu menyediakan segala keperluan hidup anak lelaki itu. Mereka perlu menjaga dan menguruskan seperti makan minum, tempat tinggal ketika bujang, sakit atau bercerai, kematian dan sebagainya. Oleh kerana perempuan yang memegang tampuk ekonomi semestinya mereka berhak di atas tanggungjawab ini yang dikenali sebagai 'hutang pusaka'.

Perempuan dari kumpulan keluarga (perut) membentuk satu badan berpadu, mengikat sesama melalui pertalian keturunan umum,

---

<sup>1</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 115

<sup>2</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 116

berkongsi di dalam teradisi umum dan memiliki tanah-tanah.<sup>1</sup>  
Suami atau lelaki di dalam satu komuniti itu pula terdiri dari berbagai suku dan tempat, tidak bersatu dari satu keturunan asal dan tidak dapat memiliki tanah.

Setiap lelaki hanya akan tinggal di tanah isterinya atau kepunyaan ibunya dan saudara perempuannya. Dia cuma mengusahakan tanah itu dan mendapatkan hak daripada hasilnya.<sup>2</sup>

Kaum perempuan di dalam adat Perpatih mempunyai suatu kedudukan yang besar dan kuat. Jika suami melakukan sebarang kesalahan atau jenayah, dia akan dipandang tidak baik oleh keluarga isterinya dan berkemungkinan berlakunya perceraian atau kehilangan tempat tinggal. Namun begitu keluarga isteri bertanggungjawab atas semuanya seperti kata perbilangan :

Kusut menyelesaikan  
Hutang membayar  
Piutang menerima  
Oleh tempat semenda  
  
Cicir dipungut  
Hilang dicari  
Nyawa darah waris yang punya  
Rugi laba isteri yang punya

Adat Perpatih sebagai adat yang bersesuaian dengan kaum petani di zamannya, memberikan keutamaan harta kepada

---

<sup>1</sup> M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws,  
hlm. 13

<sup>2</sup> Ibid., hlm. 27-28

kaum perempuan tidak lain sebabnya kecuali ingin mengekalkan jaminan keselamatan harta itu sendiri. Mereka sebagai golongan yang lemah dan dalam soal rumahtangga mereka seperti kata adat 'perempuan menanti untung, lelaki mencari untung'.<sup>1</sup>

Tanah pusaka yang tercatat pada gerannya 'Customary land' itu, di peringkat awalnya telah dibuka oleh nenek moyang pemiliknya secara bergotong-royong. Di masa itu adat Perpatih mengakui mana-mana tanah terbiar yang telah diusahakan akan bertukar tangan dari penduduk aslinya kepada orang-orang Melayu yang lain. Mereka yang tidak memajukan tanah itu tidak berhak menghalang sebarang perindustrian dijalankan di atasnya. Sementara itu adat menentukan pembayaran gantirugi di atas pengambilan harta itu. Adat Perpatih menentukan pemilik sebenar tanah ialah penggunaanya. Pemilik asal yang tidak menjalankan kegiatan hanya mendapatkan peratus pembayaran yang kecil sebagai gantirugi kepada hutan kepunyaannya itu. Ini dikatakan adil. Di samping menganjurkan kemajuan negeri, di waktu yang sama ia turut membasmi kemiskinan penduduk tempatan. Pengusaha sebagai pemilik sebenar dinyatakan :

Sabingkah tanah terbalik

Sehelai akar terputus

Sebatang kayu rebah

---

<sup>1</sup> Abbas Ali, "Sebahagian dari Dasar Adat (tinjauan secara umum)", hlm. 15-16

Segalanya ini menjadi milik pengusaha dan harta inilah yang diwariskan sebagai pusaka adat dari generasi ke satu generasi hingga kini. Harta ini tetap kekal tanpa sebarang perubahan seperti kata-kata perbilangan :

Tak lemak oleh santan

Tak kuning oleh kunyit

Dianjak layu dicabut mati

Tak lapuk oleh hujan

Tak lekang oleh panas.

## 2.11 Jenis-jenis harta pusaka dan pembahagiannya

Terdapat dua jenis pusaka di dalam adat Perpatih iaitu:

1. Pusaka benar : Iaitu harta kepunyaan suku yang diwarisi dari ibu. Ianya terdiri daripada tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan, rumah yang terletak di atas tanah pusaka. Pusaka ini berasal dari Minangkabau, dikenali dengan 'Pusaka Tinggi' dan di dalam 'Customary Tenure Enactment' disebut 'Tanah Adat'. Ianya berpandukan undang-undang Customary Tenure Enactment yang menyatakan :

" No Customary land of any interest therein shall be transfered or leased to any person other than a female member of one of the strikes included in Schedule B ".

Harta ini adalah kepunyaan waris di dalam pengertian ahli-ahli suku. Semua pusaka benar tersebut diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Tegasnya pusaka ini diwarisi turun temurun.<sup>1</sup> Kebiasaannya pula rumah di atas tanah pusaka diberi kan keutamaan kepada anak-anak perempuan bongsu. Perempuan sebagai pemegang amanah mempunyai hak untuk mengusahakan, mengambil manfaat daripada harta serta tempat saudara lelaki berlindung di ketika bujang atau bercerai. Hukum adat menentukan mereka hanya mempunyai hak pakai, bukan hak individu. Harta pusaka inilah yang tidak boleh dijual beli, tetapi kini seseorang boleh menjual atau menggadainya dengan syarat keutamaan diberikan kepada waris terdekat di dalam lingkungan suku nya sahaja. Penjualannya mesti melalui sebab-sebab tertentu

---

<sup>1</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 146

dan peranan Datuk Lembaga atau Undang amat penting dan diperlukan untuk memberikan kebenaran atau di dalam apa sahaja penyelesaian tanah adat.

2. Pusaka sendiri : Iaitu segala jenis harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orangtuanya seperti barang kemas dan lain-lain harta carian.<sup>1</sup> Ianya termasuk juga tanah bukan adat yang diberikan atas nama lelaki/bapa. Di Minangkabau ia disebut 'Pusaka Rendah' dan di dalam 'Small Estates Act' dikenali sebagai harta 'Tanah Pusaka Kecil'. Ianya dikawal oleh 'The Small Estates Distribution Ordinance 1972 (Revised) Act 98 :

" The estates of any deceased person who was at the time of his death a member of a tribe shall be deemed to be a small estates, whatever its total value, and every such person shall be deemed for the purpose of this Act to have died intestate in respect of the estate ".

Sistem pembahagiannya menurut Faraid (hukum syara<sup>c</sup>) di mana anak perempuan dan lelaki mempunyai hak yang sama terhadap harta itu.

Di zaman penjajahan Inggeris, pendaftaran hakmilik tanah di jalankan berdasarkan kepada sistem 'Torren'. Melalui sistem ini telah dibuat suatu penyusunan pentadbiran dalam menentukan hak dan pusaka mengenai pemilikan tanah dan harta pusaka. Ini berlaku di dalam tahun 1895 ketika Kerajaan Negeri Sembilan berada di bawah perlindungan Inggeris dan di mana

---

<sup>1</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 147



pentadbiran tanah diambil alih daripada ketua-ketua masyarakat adat. Nama perempuan telah didaftarkan sebagai pemilik tanah adat. Kemudian sistem pemilikan ini diperkuatkan lagi dengan satu undang-undang yang dibuat pada tahun 1902 disebut sebagai 'The Customary Tenure Enactment'. Setelah itu dijalankan pula beberapa pindaan menjadikan peraturan-peraturan adat Perpatih mengenai pewarisan ini suatu bahagian yang lengkap. Melalui Enactment itu Pemungut Hasil Tanah telah diberi kuasa terhadap tanah-tanah pusaka adat menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Undang-undang Adat. Dengan ini Lembaga tidak lagi berperanan dalam memberikan kata putus, hanya sebagai saksi yang pakar untuk memberikan keterangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan menurut adat.

Customary Tenure Enactment ini menetapkan 2 jenis harta iaitu :

1. Tanah Pusaka Adat yang mereka istilahkan dengan 'Customary land'.
2. Harta carian yang diistilahkan dengan 'Acquired Property'.

Kedua-dua jenis harta ini harus didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah dan terhadap keduanya ini berlaku adat Perpatih.<sup>1</sup> 'Customary land' yang diertikan juga dengan Harta Pusaka Benar (Ancestral Property) ini pula menjadi milik bersama suku. Harta ini terlingkung oleh perbilangan :

Sawah nan berjenjang

Pinang yang gayu

Nyiur yang saka

Lembaga yang punya

---

<sup>1</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 148

Pengagehannya kepada kaum perempuan adalah berdasarkan kepada ketentuan alam semulajadi. Anak perempuan sebagai penerus generasi perut atau suku. Mereka juga bersifat lemah yang memerlukan jaminan keselamatan kehidupan. Dengan kerana itu harta itu diwariskan kepada perempuan, diwarisi dari ibu turun temurun.

Pemilikan harta di dalam adat juga mempunyai hubungan dengan perkahwinan dan perceraian. Timbangrasa diperlukan di dalam menyelesaikannya.

Harta yang dimiliki itu terbahagi 2 bahagian :

1. Carian bujang : Harta atau pendapatan yang diperolehi sebelum berkahwin (bujang), sama ada lelaki atau perempuan.

Jelas harta ini kepunyaan satu suku iaitu sekiranya pemiliknya mati, harta ini akan diturunkan kepada waris-waris perempuannya.

2. Carian laki-bini : Didapati secara bersama oleh pasangan yang berkahwin. Boleh juga diertikan dengan harta 'sepencarian'. Jika diperhatikan perkataan 'sepencarian' memberi pengertian sama-sama mencari dan berusaha. Oleh itu dapatlah dikatakan harta sepencarian suami isteri itu ialah harta yang sama-sama dicari dan bersama bertungkus lumus berusaha untuk mendapatkannya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Abd. Kadir Ismail, Abd. Monir Yaacob, "Harta sepencarian menurut pandangan Islam", Kertaskerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983), hlm. 5

Jika berlaku perceraian, harta ini akan dibahagi bersama dan dua suku akan mendapatkan kepentingannya.

Semua hakmilik yang diperolehi menjadi pusaka apabila ianya telah diwariskan. Apabila carian laki-bini dibahagikan atas perceraian, bahagian-bahagian itu menjadi hakmilik yang tetap yang tidak boleh diwariskan kepada yang lain walau pun mereka kemudiannya tidak menjadikannya sebagai pusaka.<sup>1</sup>

Pembahagian harta amat penting di dalam perceraian. Menurut adat :

Cari bahagi

Dapatan tinggal

Pembawa kembali

Sekutu belah

Suarang berageh

Sebarang harta pembawa perlu dikembalikan menurut cara biasa tetapi perempuan diberi hak untuk memegang seluruh harta carian laki-bini.<sup>2</sup> Suami perlu meninggalkan harta kongsinya kepada anak-anak daripada perkahwinan itu. Ini disebabkan menurut adat Perpatih anak menjadi milik ibu dan sukunya. Tanggungjawab bapa terhadap anak-anak akan terhenti sama sekali mengikut adat, pemeliharaan sepenuhnya adalah kepada ibu.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 110

<sup>2</sup> Ibid., hlm. 115

<sup>3</sup> Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 56

lajilah sepencarian membayangkan usaha bersama atau carian bersama. Seorang isteri yang diceraikan boleh menuntut hak ke atas suaminya, sama ada suami itu masih hidup atau lebih tepat lagi di waktu perceraian, di atas usahanya yang telah disumbang dalam tempoh perkahwinan. Hak menuntut oleh isteri dianggap luput jika tuntutan demikian tidak dibuat di masa hayat suami.<sup>1</sup>

Dinyatakan pula harta-harta yang terkandung di dalam perkahwinan iaitu :

Carian bujang bagi lelaki disebut 'harta pembawa'. Ianya merupakan harta perseorangan yang dibawa bersama ke dalam suku isterinya. Nordin Selat menyatakan sebagai harta carian hasil titik peluh anggota lelaki berkenaan.<sup>2</sup> Harta ini termasuk juga hadiah dari ibubapa kepada anak lelaki mereka. Apabila berlaku perceraian, harta ini akan kembali kepada suami dan jika ia mati akan jatuh kepada saudara perempuannya. Harta ini mengandungi 3 jenis :

- 1). Carian bujang : Yang diperolehi secara sendirian semasa bujang. Kalau perolehannya dengan persendirian, harta ini boleh dijual. Sekiranya pemberian dari ibubapa, tidak boleh dijual tanpa keizinan keluarga perempuannya.
- 2). Bahagian yang diperolehi daripada perkahwinan yang dahulu.

---

<sup>1</sup> Nadzim Hj. Abd. Rahman, " Cara-cara pengendalian harta sepencarian di mahkamah-mahkamah ", Kertaskerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, Jabatan Shari'ah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983) hlm. 3

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 117

3). Sebarang harta nenek moyang keluarganya (keperluan-keperluan yang diambilnya)

Carian bujang kepada perempuan pula dinamakan 'harta dapatan'. Ianya adalah harta perempuan secara berasingan.<sup>1</sup>

Harta ini khususnya harta pusaka yang diwarisi oleh kaum perempuan waktu dia berkahwin.<sup>2</sup> Apabila perceraian terjadi, ianya akan tinggal menjadi hak isteri. Jika perempuan ini mati, harta ini akan turun kepada anak perempuannya.

Harta ini juga mengandungi 3 jenis iaitu :

1). Carian bujang atau janda : Yang dimiliki secara persendirian ketika anak dara atau janda.

Telah menjadi kelaziman, perempuan berkahwin di usia yang masih muda dan tidak mempunyai harta carian sebenarnya lagi. Dia hanya memiliki 'harta dapatan'. Walau bagaimana pun semasa janda dia boleh memiliki harta persendirian yang dinamakan 'carian bujang atau janda'. Apabila dia mati, anak perempuan akan mewarisi secara sama rata. Jika mereka tiada akan jatuh kepada waris-warisan yang lain.

2). Bahagian yang didapati daripada perkahwinan yang dahulu.

3). Harta pesaka (nenek moyang).

Harta pembawa atau harta dapatan ini perlu dinyatakan kepada keluarga pihak yang satu lagi semasa perkahwinan. Tanpa pernyataan ini akan memustahilkan untuk mendapatkan

---

<sup>1</sup> M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 109

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 117

kembali harta itu apabila berlaku perceraian. Bagi harta pembawa, permohonan pemulangnya mesti dibuat pada kenduri 100 hari. Di waktu itu suami akan kembali ke tempat suku asalnya kerana tanpa isteri tidak memberhakkan untuk dia untuk tinggal lagi di tempat isterinya.

Mengenai perceraian hidup, segala perkara mengenai perceraian perlu ditentukan dan dibuat di waktu perceraian. Suami mengambil separuh bahagiannya daripada carian laki-bini dan kembali kepada sukunya. Isteri mengambil separuh bahagiannya dan tinggal bersama sukunya. Tuntutan terhadap pembahagian carian laki-bini mesti dilakukan ketika perceraian.<sup>1</sup> Jika tuntutan telah dibuat di ketika ini, mereka boleh mendesak bahagian hartanya nanti.

Perlaksanaan pembahagian harta sepencarian di daerah-daerah lain adalah jelas menunjukkan seorang isteri yang bercerai berhak mendapat bahagiannya. Banyak atau sedikitnya bahagian yang diperolehi bergantung kepada adat dan amalan tempatan.<sup>2</sup>

Sebarang wang tunai atau harta yang dimiliki oleh pasangan yang berkahwin ialah carian laki-bini dan berkewajipan menunjukkan sama ada ianya pembawa atau dapatan.<sup>3</sup> Harta bahagian lelaki hasil pembahagian harta carian dari perkahwinan yang terdahulu merupakan harta pembawa. Harta ini akan kembali

---

<sup>1</sup> Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 57

<sup>2</sup> Abd. Kadir Ismail, Abd. Monir Yaacob, "Harta sepencarian menurut pandangan Islam", hlm. 8-15.

<sup>3</sup> M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 110

kepada warisnya apabila dia mati.<sup>1</sup> Jadi perlulah dimaklumi harta carian bujang akan menjadi harta pembawa atau dapatan pada perkahwinan. Harta carian laki-bini daripada perkahwinan yang terdahulu juga menjadi harta pembawa atau dapatan kepada perkahwinan kemudiannya. Sebarang pertambahan nilai modal yang disebut 'untung' atas usahasama suami isteri merupakan harta carian.

Peraturan pembahagian harta seseorang yang meninggal dunia menurut adat Perpatih ialah :

- 1). Harta carian bujang : Jika meninggal, akan diturunkan kepada waris perempuan yang terdekat. Pembahagiannya atas dasar samarata.
- 2). Harta pembawa atau dapatan : Harta ini hendaklah dikembalikan kepada waris-waris terdekat pada suku simati (Jika si mati lelaki, waris terdekatnya ialah saudara perempuan. Jika perempuan, ialah anak perempuannya).
- 3). Carian laki-bini. Ia terbahagi kepada 3 :
  1. Salah seorang se<sup>orang</sup> suami atau isteri mati tanpa anak. Keseluruhan harta diberikan pada yang hidup sesuai dengan kata adat :

Carian bahagi  
Mati laki, tinggal ke bini  
Mati bini, tinggal ke laki
  2. Suami mati meninggalkan anak. Kesemuanya turun kepada isteri dan anak-anak.

---

<sup>1</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 117

3. Isteri mati meninggalkan anak. Harta dibahagi antara suami dengan anak-anak. Pembahagian tidak semestinya sama. Dasar yang digunakan ialah bertimbangrasa terhadap anak-anak.<sup>1</sup>

Mengenai carian laki-bini ini yang tidak termasuk ke dalam golongan 'Customary land' dapat diwariskan kepada anak-anaknya, lelaki maupun perempuan atas dasar samarata, kerana harta yang demikian ini tidak tertakluk kepada batasan undang-undang adat sebagai termaktub di dalam Enactment.<sup>2</sup> Kebiasaannya harta ini umpama kebun getah kepunyaan ibubapa.

Lembaga-Lembaga telah bersepakat memutuskan harta yang dinisbahkan kepada carian semuanya akan dijalankan mengikut hukum syara'.<sup>3</sup> Inilah harta pusaka kecil yang mengikut sistem Torren yang dinyatakan oleh Mohd Din Ali, katanya :

" With the passage of time and the development of the rubber industry, vast areas of fringe forest land have given way to small holdings planted with rubber. These small holdings effected under the Torrens System of survey and registration have become ordinary non customary land registered in the District Record. The customary land, those originating from the old occupational titles, were subsequently registered in the District Roll but endorsed with the words 'customary land' which ensures and perpetuates the succession of these lands through female tail. Thus while customary lands are divided among the females per capita, the non-customary land are divided according to Islamic law under which the share of the male

---

<sup>1</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 118

<sup>2</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 150

<sup>3</sup> M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 189



is equivalent to twice that of the female. The ratio of land holding is therefore maintained at some semblance of equality between male and female ".

Sistem kewarisan harta pusaka kecil ini sudah menyimpang dari sistem kewarisan adat Perpatih yang asli, tetapi telah dapat diterima oleh perkembangan adat Perpatih sebagai adat nan diadatkan, iaitu baik lelaki atau pun anak perempuan berhak mewarisi harta ini.<sup>2</sup> Dengan ini dapat diketahui, sistem pewarisan adat Perpatih ini bercorak kolektif di samping menjalankan juga sistem berbentuk perseorangan melalui harta carian laki-bini. Sistem ini juga digunakan di dalam sistem pewarisan Islam, iaitu membahagikan harta kepada ahli waris secara individu sama ada lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun, sistem pewarisan pusaka benar di kalangan adat Perpatih tetap berada di dalam kuasa waris atau kadim perempuan dan generasi mereka seterusnya. Ini menurut garis keturunan perempuan di dalam satu-satu suku dan bukan keturunan lelaki. Adat telah menganugerahkan kepada kaum perempuan untuk mempunyai hak mutlak sebenarnya di dalam setiap perkara. Seperti yang kita ketahui, Waris atau kadim di dalam adat Perpatih ini terbahagi pula kepada waris secara langsung dan tidak langsung. Harta akan diwarisi dahulu oleh waris langsung seperti anak. Waris tidak langsung seperti sepupu dan seterusnya akan mengambil tempat di masa ketiadaan mereka dan

---

<sup>1</sup> Mohd Din Ali, " Malay Customary Law/Family", hlm. 39

<sup>2</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 152

ini mengikut mana yang hampir. Sekiranya tidak kedapatan langsung kedua-duanya, tanah pusaka benar ini boleh dilelong. Keutamaan diberikan kepada ahli-ahli sesuku sebelum diberi kepada yang lain. Pengangkatan mutlak (kadim adat dan pusaka) juga memberikan kepada perempuan dan anak-anaknya (sama ada lahir sebelum atau selepas pengangkatan) memiliki semua harta pusaka adat. Pepatah mengatakan :

Ayam ditambat diberi makan

Orang ditarek diberi harta

Kesimpulannya dapat difahami tujuan utama adat ialah untuk meneruskan bentuk kesukuan melalui kaum perempuan, mencegah pemindahan harta/hak yang akan sentiasa di dalam pemeliharaan kaum perempuan di dalam sesuatu suku.

Terdapat 4 dasar utama pembahagian harta :

1. Segala harta dikuasai/dimiliki oleh suku, bukan individu.
2. Harta pencarian yang telah dipusakakan/diwariskan akan menjadi harta turunan (pusaka benar).
3. Semua harta pusaka benar dimiliki oleh kaum perempuan daripada suku.
4. Segala harta pusaka benar ialah hakmilik tetap di dalam keturunan perempuan.<sup>1</sup>

Segala peraturan terhadap seseorang dan harta ialah bagi kesempurnaan suku. Ini disebabkan suku merupakan unit sosial yang bercorak matrilineal dan exogami.

---

<sup>1</sup> Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 65

## 2.13 Masaalah-masaalah di dalam sistem pusaka yang dihadapi oleh masyarakat Adat Perpatih

Tanah merupakan sumber pendapatan orang-orang Melayu di desa.<sup>1</sup> Perkataan 'harta' begitu besar ertinya digambarkan pemikiran mereka. Sekiranya tuan tanah meninggal dunia akan mulalah pula waris-waris yang ada membuat perhitungan tentang bahagian-bahagian hakmilik yang seharusnya diperolehi dari harta peninggalan itu. Nyata, tanah mempunyai pengaruh yang besar di dalam perhubungan masyarakat. Kerana itulah masaalah perebutan harta terutamanya 'tanah' sentiasa berlaku di kalangan manusia dari dahulu hinggalah kini. Masaalah ini bukan sahaja dihadapi oleh masyarakat adat Perpatih, bahkan juga adat Temenggung dan semua manusia yang ada memiliki harta. Namun demikian, disini kita akan cuba memfokuskan persoalan ini kepada masyarakat adat Perpatih sahaja.

Pembahagian pusaka dan penukaran hak milik tanah kepada waris-waris simati sering menimbulkan masaalah yang berbagai serta kesan-kesan negatif di kalangan masyarakat adat Perpatih. Kebanyakan masaalah yang lahir itu, pada dasar utamanya dihubungkan dengan keistimewaan kedudukan wanita di dalam masyarakat. Keistimewaan ini diperlihatkan dengan keinginan mereka yang telah berkahwin untuk mendapatkan anak perempuan. Jika tiada, anak angkat akan diberikan hak dan taraf yang sama seperti anak perempuan. Kepentingan mereka bukan sahaja .

---

<sup>1</sup> Idris Yahya, "Perpecahan Tanah dan Masaalahnya ", Dewan Masyarakat, (Januari 1975), hlm. 24

sebagai penerus generasi suku tetapi juga sebagai menjaga ibu bapa yang telah tua dan tidak lagi mampu bekerja. Jaminan hidup ibubapa yang lebih akan bergantung dengan ramainya anak perempuan mereka. Meskipun kini ramai anak perempuan keluar mencari rezki, mengikut suami dan sebagainya, menjadikan mereka kurang berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Namun semua ini tetap tidak merenggangkan perhubungan rapat mereka dengan keluarga.

Kedapatan rungutan-rungutan dan rasa tidak puashati pihak-pihak tertentu mengenai pembahagian harta pusaka menurut adat Perpatih ini. Mereka menyatakan adat Perpatih yang mementingkan kaum perempuan dan bertentangan dengan syara<sup>c</sup>, tidak perlu diperaktikkan lagi.

Berdasarkan keadaan yang nyata, perkara ini memang ada kebenarannya. Akan tetapi jika ditinjau dari sudut adat Perpatih yang asli, pembahagian tanah pusaka yang terdapat sekarang pun mengandungi pertentangan dengan perinsip yang dibawa oleh adat Perpatih itu sendiri.<sup>1</sup> Implikasi dari pentadbiran Inggeris, harta kini telah dijalankan pembahagiannya menurut nama seseorang. Perubahan-perubahan dibuat melalui penanaman batu-batu sempadan sebagai pemisah antara satu tanah hak seorang dengan yang lain. Geran-geran juga dikeluarkan untuk menentukan hak milik.

Menurut peraturan adat, setiap tanah pusaka itu tidak ditentukan hak milik perseorangan. Ia menjadi hak milik dan

---

<sup>1</sup> Abd. Samad Idris, "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih", hlm. 7

kepunyaan waris atau suku itu sendiri dan setiap orang ditentukan tempat tinggal untuk mendirikan rumahnya dan bercucuk tanam. Setiap orang anak-anak suku waris itu sama ada lelaki atau perempuan adalah berhak sama di atas harta masing-masing dan mereka boleh mengambil hasil dan faedah di atas tanah itu. Sekarang akibat dari sistem pentadbiran tanah dan harta yang dibuat oleh Inggeris itulah yang menyebabkan kemurniaan pembahagian harta pusaka menurut adat Perpatih itu telah tercarik dan inilah yang menjadikan pertentangan dan kekusutan yang tidak terhurai.<sup>1</sup> Persoalan tentang hak juga timbul dengan pertambahan manusia yang semakin meningkat, sementara itu harta tetap kekal jumlahnya dan nilainya pula meningkat.

Zaman dahulu, kehidupan masyarakat adat Perpatih bergantung kepada pertanian dan penternakan. Keluasan tanah yang dimiliki juga masih boleh menjamin kedudukan ekonomi kaum wanita, sekiranya mereka diceraikan suami atau suami sakit dan sebagainya. Pada hari ini, dengan pertambahan bilangan masyarakat adat Perpatih, telah berlaku pemecahan tanah-tanah. Proses pewarisan yang berulang-ulang di atas jumlah tanah yang sentiasa tetap menjadikan jumlah harta yang dimiliki amat sedikit. Ini tidak mampu untuk mendatangkan hasil yang cukup untuk menyara satu keluarga. Ekonomi menjadi tidak terjamin, tambahan pula nilai-nilai tanah ini adalah rendah kerana pasarannya terhad kepada ahli-ahli suku sahaja. Namun begitu, tanah ini sekurang-kurangnya memberikan perasaan selamat kepada mereka

---

<sup>1</sup> Abd. Samad Idris, "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih",  
hlm. 7

kerana adanya tempat untuk berlindung walaupun sedikit.<sup>1</sup>

Di masa dahulu, ketidakpuasan hati dan perbalahan di dalam pembahagian pusaka berlaku terutama dari pihak perempuan. Ini disebabkan rasa ingin seboleh-bolehnya mendapatkan hak mereka di dalam adat.

Kaum perempuan di daerah-daerah tertentu di Negeri Sembilan yang diketahui akan menyerang Pejabat Tanah di dalam keadaan 'histeria', kadang-kadang menghayun parang membantah keputusan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah Daerah yang mengatur harta adat mengikut pembahagian Hukum Syara<sup>c</sup>. Mereka ini terlalu ghairah untuk mengetahui mengapa bahagian harta adat mereka diambil.<sup>2</sup>

Mereka ini bukanlah Islam yang 'ortodok' tetapi manusia yang mementingkan diri sendiri, bertelingkah merebut kepentingan di atas nama adat. Mereka hanya mengetahui kedudukan mereka tidak lebih daripada sebagai seorang perempuan di dalam adat yang perlu mempusakai harta suku. Mereka akan sanggup menempelak sesiapa sahaja yang berani campurtangan di dalam adat yang telah dibuat oleh nenek moyang mereka. Dengan kedudukan inilah, perempuan merasakan dirinya lebih berkuasa dan mengakibatkan mudah menderhaka kepada saudara lelaki atau suami. Keadaan ini diumpamakan 'Pisau tajam, hulunya

---

<sup>1</sup> Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan", Kertaskerja Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 4-5

<sup>2</sup> Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", hlm. 33

di tangan perempuan, matanya di tangan lelaki'.

Antara sebab-sebab lain terjadinya perselisihan ialah sekiranya harta yang ada hanya sedikit sedangkan bilangan adik beradik mereka ramai. Masing-masing pula ingin menuntut hak mereka. Ketidakadilan, pilih kasih dan penyelewengan akan berlaku. Sementara itu terdapat juga segolongan yang bersikap tamak haloba serta ingin membolot semua harta bagi kepentingan sendiri. Kesan daripada keadaan ini perebutan dan perselisihan akan terjadi. Akan timbul perasaan irihati, marah dan seumpamanya seterusnya menerbitkan permusuhan dan kerenggangan ikatan kekeluargaan. Ianya akan berlanjutan sehinggalah perundingan sesama dibuat.

Implikasi daripada tidak puashati dan perselisihan ini berlakulah pula perpindahan ke tempat-tempat lain, menyebabkan banyaknya rumah dan tanah yang terbiar tanpa ada sesiapa yang mahu mengusahakannya serta tinggal di sana. Tanah yang tinggal terbiar tidak diusahakan ini berkemungkinan pemiliknya yang mengakui berhak terlalu ramai. Keluasan tanah yang sangat kecil ini sudah pasti tidak mencukupi untuk dibahagi-bahagikan antara waris-waris yang ramai itu. Apabila tanah hendak dimajukan,\* terdapat pula antara waris-waris yang tidak bersetuju. Sebagai jalan penyelesaiannya, tinggallah tanah itu terbiar begitu sahaja. Sementara itu menantu-menantu pula tidak berani

---

\* Harta pusaka ini boleh dicagarkan dengan syarat untuk memajukan atau menjayakan tanah itu sahaja. Tuan-tuan tanah boleh berkongsi mencagarkannya kepada Bank misalnya dan kemudian hasilnya dibahagikan samarata atau mengikut rundingan serta persetujuan masing-masing.



untuk campurtangan di dalam urusan ini.

Namun begitu, tidaklah dianggap kesemuanya itu sahaja sebagai faktor masaaalah tanah terbiar ini. Faktor-faktor ekonomi dan masa juga boleh diambil kira. Contohnya sawah yang kekurangan air, mengikut suami berpindah ke tempat lain kerana tugas dan urusan, masa yang tidak mencukupi untuk mengerjakan tanah dan sebagainya.

Peranan guna tenaga juga sangat penting. Kemungkinan ini disebabkan kurangnya tenaga-tenaga muda yang sepatutnya mengerjakan tanah-tanah tersebut. Mereka ini terlalu berminat mencari kerja di bandar, mengejar kemajuan dengan pembukaan kilang-kilang, meninggalkan tenaga-tenaga tua di desa. Memang tidak dinafikan banyak tanah-tanah seperti sawah yang terbiar yang hanya tenaga tua mengerjakannya.<sup>1</sup> Tetapi apa yang diketahui tidak semua tanah-tanah Adat ini terbiar tanpa sebarang usaha. Mereka ada menjalankan kegiatan-kegiatan perlu secara berkongsi atau apa sahaja cara menurut perundingan dan persetujuan mereka antara waris-waris.

Sistem pembahagian pusaka secara adat Perpatih ini juga telah menjadikan kaum lelakinya kurang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah pusaka, lebih-lebih lagi milik isterinya. Mungkin mereka merasakan mengapa mereka perlu menjadi bodoh mengerjakan tanah itu sedangkan mereka tidak berhak keatasnya.

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Mohd Yusof Saman, Pegawai Petempatan Tingkatan Khas, Penolong Pentadbir Tanah Daerah dan Magistrate II, Kuala Pilah, N. Sembilan, 17 Nov. 1986.



Anak lelaki pula hanya didaftarkan sebagai 'pemakan hasil' (life occupant) untuk semasa hidup ke atas tanah ibunya itu dan dia tidak boleh mempusakai serta didaftarkan sebagai tuan tanah. Selepas anak lelaki itu meninggal dunia, anaknya tidak lagi boleh memakan hasil\* tanah itu.<sup>1</sup> Kedudukan seorang suami di dalam adat Perpatih tidak sama seperti kedudukan isteri di dalam Islam dimana semua harta suami adalah juga harta kepada isteri. Dalam adat ini rasa kepunyaan tidak ada langsung bagi suami terhadap harta pusaka isteri. Perasaan menumpang rumah atau tanah isteri terlalu dirasakan oleh seorang suami.<sup>2</sup> Suami sebagai orang semenda akan bersikap negatif di dalam ekonomi. Mereka kurang bersungguh-sungguh dan hanya berbual kosong di kedai kopi, sementara isteri bertungkuslumus bekerja di sawah dan sebagainya. Suami akan hanya membantu sedikit-sedikit kerja yang berat. Sikap ini berkemungkinan akibat dari corak pemilikan tanah pusaka dan kedudukan suami sendiri.<sup>3</sup>

Apabila seorang lelaki di dalam adat Perpatih berkahwin dengan perempuan adat Perpatih, mereka akan terus

---

\* Mengikut tafsiran adat, memakan hasil ini ialah bagi pokok-pokok yang ditanam oleh emak, nenek atau moyang yang ada di atas tanah itu, seperti durian, kelapa dan sebagainya. Sekiranya dijalankan penanaman semula, ini tidak lagi dinamakan memakan hasil.

<sup>1</sup> Temubual dengan Mohd Yusof Saman, 12 Nov. 1986

<sup>2</sup> H.A. Hamidi Jora, "Adat Perpatih Tidak Demokratis", hlm. 37

<sup>3</sup> Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan", hlm. 6

mendiami rumah isterinya dan menyemenda dengan suku isterinya. Beliau diharapkan untuk menjaga tanah pusaka isterinya. Tentu sahaja ini akan menyebabkan dia tidak bebas di tempat isterinya dan hanya terpaksa menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga dan untuk menyukakan hati isterinya. Mereka kurang daya keinginan untuk bekerja bersungguh-sungguh di tanah milik isterinya. Mengapa mereka bertungkus lumus bekerja tetapi tidak menjamin keadaan mereka dan membolehkan bercerai pada bila-bila masa sahaja. Akibatnya ketidakseriusan di dalam perkahwinan dan perceraian mudah terjadi. Kerana itulah terdapat banyak tanah pusaka yang tidak produktif. Kaum lelaki akan lebih bersungguh-sungguh dan berminat bekerja di tanah sendiri. Jadi tidak hairanlah ramai antara mereka yang menyer-tai tanah pinggir atau rancangan Felda atau memiliki tanah sendiri.

Sebenarnya perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku. Perasaan-perasaan yang negatif serta salah faham ini seharusnya dihapuskan supaya dapat menjamin kedudukan ekonomi yang kukuh, baik dan kehidupan yang sempurna. Jika suami sebagai orang semenda bersikap ikhlas mengerjakan tanah isteri, sama-sama pula berusaha mengerjakan tanah untuk mendapatkan rezki, sikap bekerja kerana 'terpaksa' tidak akan timbul. Isteri pula tidak sezalim yang disangkakan, membiarkan saudara lelaki dan suami tanpa jaminan hidup dan menuntut cerai pada bila-bila masa sahaja. Sebagaimana yang dimaklumi, wanita-wanita Adat Perpatih juga mempunyai pendidikan serta pegangan agama yang teguh dan tidak seharusnya mereka berperlakuan sedemikian. Kesemua anggapan yang tidak baik ini hanya akan menghalang kepada sebarang kemajuan.

Tidak timbul sama sekali pertelingkahan di dalam pembahagian pusakaseperti lelaki tidak berhak dan sebagainya. Ini ialah sekiranya lelaki menyemenda dengan suku lain, isterinya juga ada memiliki harta yang sama. Sementara itu tiada pula tegahan adat yang menghalang orang semenda ini untuk mengambil hasil dari tanah pusaka ibunya. Perhubungan yang amat mesra sentiasa wujud di antara keluarga dan kekesalan akan jelas terbayang jika tidak dapat sama-sama memakan hasil tanaman di tanah pusaka. Tidak berlaku sebarang perebutan dan seandainya kedapatan mereka akan segera merujuk kepada kata-kata adat " Tidak ada kusut yang tidak selesai, tak ada keruh yang tak jernih ". Disebabkan keadaan sekarang yang telah membahagikan milik kepada seseorang dengan penanaman batu-batu sempadan, pemberian geran-geran tanah dengan dimasukkan nama-nama pihak perempuan sahaja, jadilah situasi pembahagian pusaka itu menyeleweng dari adat yang sebenarnya.<sup>1</sup>

Didapati berbagai kesulitan dan kesukaran akan timbul daripada sistem pembahagian pusaka secara adat Perpatih ini. Antaranya ialah jumlah tuntutan yang lebih besar oleh waris-waris simati terhadap pewarisan, melalui salah satu sistem yang berbeza sama ada adat atau hukum syara<sup>c</sup>.<sup>2</sup> Pengagihan bahagian tanah yang harus diperolehi menurut adat adalah sama rata, tetapi ada antaranya yang bersifat tamak dan inginkan harta lebih, maka perbicaraan akan ditangguhkan.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Abd. Samad Idris, "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih ", hlm. 8

<sup>2</sup> Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", hlm. 35

<sup>3</sup> Temubual dengan Mohd Yusof Saman, 12 Nov. 1986

Keadaan ini biasanya diselesaikan dengan menjelaskan mengenai jenis-jenis harta pusaka yang berbeza. Perselisihan cuma berlaku dan menjadi masaaalah apabila kenyataan tentang harta tidak tetap. Walau pun penyelesaian dibuat, tidak puashati antara salah satu pihak masih berlaku.

Punca lain kesukaran ternyata apabila pemilik adat yang mati tidak meninggalkan waris-waris perempuan, hanya anak lelaki.<sup>1</sup> Di dalam keadaan seperti ini, harta akan dipusakai oleh sepupu-sepupu perempuan atau keluarga yang lebih jauh. Dengan ini anak lelaki tentu akan merasa tidak berpuas hati kerana sesuatu yang hak ke atasnya telah diambil, tambahan pula ianya diberikan mengikut garis keturunan. Walau bagaimanapun, adat telah menentukan waris perempuan sebagai penjaga dan pembela anak lelaki simati, tetapi prasangka tetap terjadi antara kedua pihak ini. Anak lelaki beranggapan sepupu perempuan tidak layak dijadikan pengganti bagi menguruskan harta pusaka ibunya.

Antara masaaalah-masaaalah lain yang melambatkan penyelesaian pusaka secara umum :

1. Pusaka berlapis disebabkan tuntutan kuasa tidak dibuat dengan segera.
2. Tanah tidak dapat dikesan walaupun keterangan mengenainya ada.
3. Tanah-tanah yang ditinggalkan simati terlibat dengan tanah-tanah belah bahagi.

---

<sup>1</sup> Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", hlm. 35

4. Pusaka yang ada kaitan dengan tuntutan mahkamah atau tuntutan sepencarian dan lain-lain.
5. Pertelingkahan dan sikap tidak bertolak ansur di antara waris-waris.<sup>1</sup>

Berkenaan harta suami isteri yang dimiliki secara persendirian (harta pembawa bagi suami dan harta dapatan kepada isteri), semuanya akan dipusakai oleh waris atau kadim yang terdekat oleh pasangan masing-masing di dalam sukunya. Kesulitan mungkin terjadi sekiranya simati telah berkahwin sebanyak 2 kali atau lebih serta memperolehi bahagian harta di setiap perkahwinan. Harta yang didapati semasa perkahwinan yang pertama boleh menjadi harta pembawa atau dapatan pada perkahwinan kedua. Jika harta pembawa ini bertambah semasa perkahwinan kedua, ianya dianggap sebagai harta carian laki-bini. Pengembalian carian bujang setelah berlaku perceraian, berlakunya pula tuntutan 'untung' dari pihak isteri atau sukunya. Rasa tidak puashati berlaku di dalam hal ini, berlaku perselisihan antara 2 pihak dalam mendapatkan faedahnya, tetapi mereka akan menurut kata perbilangan 'Pembawa kembali, cari bahagi, dapatan tinggal.

Carian laki-bini mengikut corak pertanian lama adalah bersesuaian. Suami isteri sama-sama mengusahakan tanah dan apabila bercerai harta akan dibahagi dua. Menerusi perubahan hidup, terdapat suami kini yang duduk di rumah dan isteri

---

<sup>1</sup> Noor Iskandar, "Jabatan Pemegang Amanah Raya Pentadbiran Pusaka". Hawa.1 (1986) hlm 24

bekerja telah menimbulkan pula tuntutan supaya harta carian dibahagi tiga (suami sebahagian dan isteri dua bahagian).

Di dalam perceraian mati pula, berlaku pertikaian terhadap harta carian ini. Anak saudara membuat tuntutan berdasarkan hukum adat sementara anak menuntut mengikut hukum syara<sup>c</sup>.

Keadaan ini sudah tentu akan merenggangkan hubungan kekerabatan.

Saik di negeri asal Minangkabau, Sumatera di Indonesia mau pun di Negeri Sembilan di Semenanjung Tanah Melayu, harta carian laki-bini menjadi perselisihan antara anak dan kemanakan simati. Satu mesyuarat antara Penghulu adat dari seluruh Minangkabau telah dilakukan di Bukit Tinggi, Sumatera Barat pada Mei 1953. Penetapan mengenai pusaka telah dibuat:

1. Harta 'Pusaka Tinggi' yang telah didapati turun temurun dari nenek moyang menurut keibuan, diturunkan menurut adat.
2. Harta sepencarian yang menurut adat 'Pusaka Rendah' diturunkan mengikut Hukum Syara<sup>c</sup>.<sup>1</sup>

Setiap masaalah, perselisihan dan apa jua yang timbul dan dihadapi berkaitan pembahagian pusaka di dalam masyarakat adat Perpatih, akan dibicarakan dan diputuskan di hadapan Pegawai Tanah di Pejabat Tanah Daerah. Perundingan sesama waris-warisi mesti dibuat dahulu sebelum mereka hadir di pembicaraan nanti dengan memberikan keterangan yang benar sahaja.

---

<sup>1</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 155

Namun terdapat juga apa yang dinamakan 'menyorok waris'\*. Seandainya terjadi pertelingkahan atau kenyataan yang tidak benar, perbicaraan akan ditangguhkan. Datuk Lembaga bertanggungjawab menyelesaikan dahulu segala perkara yang timbul di kalangan anak-anak buahnya sebelum mereka datang dengan kata putus. Jika penyelesaian tidak dapat dicapai, kewibawaan Datuk Lembaga adalah diragui.

Jikalau dahulu selalu terjadi perebutan dan pertelingkahan kerana tanah pusaka, kini perkara seumpama ini jarang sekali terjadi.

Mungkin mereka telah sedar melalui pendidikan yang diterima, tiada faedahnya melakukan sebarang perebutan. Tanah pusaka itu pun tidaklah selebar mana kerana kadang-kadang satu tanah yang kecil dibahagikan sampai kepada berpuluh orang. Untuk dijadikan tapak rumah tentu sekali tidak memadai. Untuk di buat 'komersial' pula tidak mendatangkan hasil yang banyak dan memuaskan. Kalau hendak difikirkan masaalah 'komersial' hendaklah sama-sama memajukannya dan sama-sama mendapatkan hasilnya. Jika tidak, dengan kerelaan mereka sendiri juga dibuat penyerahan pindah milik tanah kepada seorang waris atau berdua.<sup>1</sup>

---

\* Semasa perbicaraan tidak dinyatakan waris-waris yang lain. Datangnya ke sana tanpa pengetahuan waris-waris yang lain. Sekiranya berlaku perbalahan seperti waris yang disorok itu datang semasa perbicaraan dan membuat tuntutan, perbicaraan akan dibatalkan.

<sup>1</sup> Temubual dengan Mohd Yusof Saman, 12 Nov. 1986



Permohonan untuk pindahtanah ini biasanya di

tanah adat EMR : 527, lot 12110,

EMR : 528, lot 1211, Mukim Ulu

Lilah mempunyai 3 orang anak

anak lelaki ini telah bersetuju

beradik perempuan mereka.

Mohd Yusof mengaku bahawa

arwah ibu kami dan kami

beradik perempuan,

ah, Rukiah dan Noriah.

ki tidak berhajat di atas

itu dan bersetuju

beradik perempuan

a".

ang kita lihat di atas, jelas

pusaka tanah adat kini

Tiada lagi mereka yang datang

ap menentang, memaki hamun dan

ahulu. Kedatangan mereka ini

telah mereka putuskan bersama

datangan mereka ke Pejabat

egelintir pihak yang tidak

akhirnya kerana tidak ingin

hubungan baik antara keluarga.

menuntut hak mereka, malah

nya kepada adik beradik atau

g tidak bekerja dan tidak

ini disebabkan mereka merasakan

Contoh 5 : Pembahagian pusaka ta

EMR : 526, lot 1209, P

Muar.

Di dalam kes ini, simati Ajom Bt

lelaki dan 4 perempuan. Anak-an

memberikan tanah ini kepada adik

" Kami Ishak dan Alias

Ajom Bt Lilah adalah

mempunyai 4 orang ad

iaitu Samidah, Rabia

Kami anak-anak lelaki

tanah arwah ibu kami

diberikan kepada adi

kami secara samarata

Daripada contoh-contoh y

lah kebanyakan kes-kes perbicara

berjalan dengan baik dan damai.

ke Pejabat Tanah itu dengan sika

sebagainya sepertimana keadaan da

adalah bersama persetujuan yang

dengan Datuk Lembaga sebelum ked

Tanah itu. Walau pun terdapat s

berpuashati tetapi akan bersetuj

kan permusuhan dan demi menjaga

Anak lelaki pula tidak berusaha

dengan rela hati pula memberikan

waris-waris perempuan mereka yan

mampu memiliki tanah sendiri. I



Contoh 3 : Pembahagian pusaka tanah adat EMR : 527, lot 12110,  
EMR : 526, lot 1209, EMR : 528, lot 1211, Mukim Ulu  
Muar.

Di dalam kes ini, simati Ajom Bt Lilah mempunyai 3 orang anak lelaki dan 4 perempuan. Anak-anak lelaki ini telah bersetuju memberikan tanah ini kepada adik beradik perempuan mereka.

" Kami Ishak dan Alias Mohd Yusof mengaku bahawa Ajom Bt Lilah adalah arwah ibu kami dan kami mempunyai 4 orang adik beradik perempuan, iaitu Samidah, Rabiah, Rukiah dan Noriah. Kami anak-anak lelaki tidak berhajat di atas tanah arwah ibu kami itu dan bersetuju diberikan kepada adik beradik perempuan kami secara samarata".

Daripada contoh-contoh yang kita lihat di atas, jelas lah kebanyakan kes-kes perbicaraan pusaka tanah adat kini berjalan dengan baik dan damai. Tiada lagi mereka yang datang ke Pejabat Tanah itu dengan sikap menentang, memaki hamun dan sebagainya sepertimana keadaan dahulu. Kedatangan mereka ini adalah bersama persetujuan yang telah mereka putuskan bersama dengan Datuk Lembaga sebelum kedatangan mereka ke Pejabat Tanah itu. Walau pun terdapat segelintir pihak yang tidak berpuashati tetapi akan bersetuju akhirnya kerana tidak ingin kan permusuhan dan demi menjaga hubungan baik antara keluarga. Anak lelaki pula tidak berusaha menuntut hak mereka, malah dengan rela hati pula memberikannya kepada adik beradik atau waris-waris perempuan mereka yang tidak bekerja dan tidak mampu memiliki tanah sendiri. Ini disebabkan mereka merasakan dan beranggapan mereka boleh mencari rezki yang lebih dan mampu memiliki tanah secara persendirian. Ramai antara mereka kini telah berpendidikan dan mempunyai pendapatan yang memuaskan pula.

g tidak ada dasarnya  
4 tahun saya berada

kan segala ilmu pengetahuan yan  
serta tunjuk ajar mereka selama  
di sini.

### BAB III

#### 3.1 PERBANDINGAN DAN PANDANGAN

##### 3.11 Sistem Pusaka Sebelum Islām Secara Umum

Sebelum kedatangan Islām membawa syarī<sup>c</sup>at yang sempurna di bidang pusaka, telah didapati di waktu itu sistem pusaka yang dicipta oleh masyarakat Jāhiliyyah itu sendiri.

Sesungguhnya orang-crang <sup>c</sup>Arab sebelum Islām tidak mewarishi pusaka kecuali orang-orang dewasa yang mampu untuk bertemu musuh dan berperang. Anak-anak lelaki yang kecil, kaum perempuan sama ada kecil atau dewasa tidak berhak untuk mewarishi. Sebab-sebab yang membolehkan pusaka di kalangan mereka ialah tiga perkara iaitu Nasab(keturunan), cara pengangkatan sebagai anak angkat dan bersumpah/perjanjian.<sup>1</sup> Tujuan utama undang-undang pusaka sebelum Islām di Tanah <sup>c</sup>Arab ialah untuk menjaga harta qabīlah yang dimiliki qabīlah itu sendiri ; harta seorang yang mati hanya jatuh ke tangan keluarga lelaki nya sahaja. Undang-undang ini adalah didasarkan kepada sistem

---

<sup>1</sup> Untuk lanjut : Mohd Yusof Musa, al-Tirkat Fī al-Islām (Qahīrat: Dar al-Ma<sup>c</sup>rifat, 1967), hlm. 13-29

## BAB III

### 3.1 PERBANDINGAN DAN PANDANGAN

#### 3.11 Sistem Pusaka Sebelum Islām Secara Umum

Sebelum kedatangan Islām membawa syarī<sup>C</sup>at yang sempurna di bidang pusaka, telah didapati di waktu itu sistem pusaka yang dicipta oleh masyarakat Jāhiliyyah itu sendiri.

Sesungguhnya orang-crang <sup>C</sup>Arab sebelum Islām tidak mewarithi pusaka kecuali orang-orang dewasa yang mampu untuk bertemu musuh dan berperang. Anak-anak lelaki yang kecil, kaum perempuan sama ada kecil atau dewasa tidak berhak untuk mewarithi. Sebab-sebab yang membolehkan pusaka di kalangan mereka ialah tiga perkara iaitu Nasab(keturunan), cara pengangkatan sebagai anak angkat dan bersumpah/perjanjian.<sup>1</sup> Tujuan utama undang-undang pusaka sebelum Islām di Tanah <sup>C</sup>Arab ialah untuk menjaga harta qabīlah yang dimiliki qabīlah itu sendiri ; harta seorang yang mati hanya jatuh ke tangan keluarga lelaki nya sahaja. Undang-undang ini adalah didasarkan kepada sistem

---

<sup>1</sup> Untuk lanjut : Mohd Yusof Musa, al-Tirkat Fī al-Islām (Qahīrat: Dar al-Ma<sup>C</sup>rifat, 1967), hlm. 13-29

keturunan sebelum bapa (agnatic system).<sup>1</sup> Menurut apa yang terdapat di dalam undang-undang Mesir Purba, didapati tanah-tanah tidak boleh dimiliki oleh rakyat jelata, bahkan semua bumi Mesir menjadi milik Raja-raja Firaun. Orang ramai hanya memiliki hak mengguna dan bercucuk tanam dan hak ini pula diserahkan kepada ketua-ketua keluarga mereka. Harta-harta selain dari itu akan dibahagikan pula kepada semua anggota keluarga dengan sama banyak tanpa mengira batas dan keturunan. Pusaka di kalangan Greek Purba pula keseluruhannya sama seperti undang-undang pusaka bangsa Rome. Undang-undang Greek memandang harta-harta kepunyaan sesuatu kumpulan merupakan sebahagian daripada kekayaan umum. Seperti masyarakat <sup>c</sup>Arab juga mereka lebih mengutamakan kaum lelaki yang lebih pintar dan mampu berperang. Begitu juga dengan sistem pusaka di dalam bangsa Purba Timur\* yang mengutamakan anak lelaki sulung di dalam pusaka.<sup>2</sup>

Kita lihat di dalam syari<sup>c</sup>at Yahudi warith adalah terdiri daripada anak lelaki sama ada ianya anak yang sah atau anak zina.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), hlm. 10

<sup>2</sup> Untuk lanjut : Abdul Kadir Hj Ismail, Sistem Pusaka Islam (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, 1983), hlm. 2-6.

\* Iaitu bangsa-bangsa Sām kuno (nisbah kepada Sām anak Nūh <sup>c</sup>Alaihiṣṣalām).

<sup>3</sup> Untuk lanjut : Abū al-Yaqzān <sup>c</sup>Atiyyat al-Jabūri, Hukmu al-Mīrāth Fī al-Syarī'at al-Islāmiyyat (Bāghdad : Dar al-Nazir, 1969), hlm. 15-16.

Di antara perkara-perkara yang mereka sangat mengambil berat ialah berusaha supaya harta peninggalan mereka janganlah berpindah kepada yang lain daripada keluarga masing-masing (anak ke bawah dan bapa ke atas) selagi mereka itu masih ada, walaupun darjat qarābatnya sudah jauh daripadanya. Ini supaya tiap-tiap keluarga itu dapat memelihara harta yang mereka berbangga dan berpenat lelah mencarinya supaya jangan berpindah kepada keluarga lain.<sup>1</sup> Bagi orang-orang Yahudi ini, selagi anak lelaki wujud, anak perempuan tidak berhak ke atas peninggalan bapanya. Begitu juga sekiranya terdapat lagi bapa atau qarābat lelaki lain pada simati, saudara-saudara perempuan lain tidak ada kuasa ke atas pusaka.

Demikianlah secara sepintas lalu mengenai amalan pembahagian pusaka di kalangan bangsa-bangsa di waktu sebelum Islam datang membawa suatu sistem pusaka yang benar-benar<sup>c</sup> adil dan syumūl.

Didapati sistem di kalangan mereka ini lebih mementingkan satu-satu pihak dan mengenepikan satu pihak yang lain berdasarkan sebab-sebab yang mempengaruhi mereka. Dari apa yang telah di maklumi, sistem pusaka ciptaan-ciptaan Barat dan zaman modern juga ada mempunyai ciri-ciri persamaan dengan sebelum Islam. Mereka mencipta menurut pemikiran sendiri dengan hanya melihat kepentingan di sebelah pihak. Semuanya ini adalah bercanggah dengan dasar pusaka Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah itu.

---

<sup>1</sup> Abdul Kadir Hj. Ismail, Sistem Pusaka Islam, hlm. 7.

### 3.13 Islam dan harta

Menurut ajaran Islam, segala sesuatu yang ada di dalam alam semesta ini, termasuklah harta adalah milik Allah dan manusia hanyalah diberi hak menguasai dan mengatur, hak menggunakan dan menfa<sup>c</sup>atkan.<sup>1</sup>

Di dalam membuktikan harta itu ialah milik Allah, al-Qur'<sup>ā</sup>n telah menyatakan :

ولله ما في السموت والأرض، وكفى بالله وكيلاً .<sup>2</sup>

Maksudnya :

" Dan kepunyaan Allahlah apa yang di langit dan apa yang di bumi. Cukuplah Allah sebagai pemelihara".

Segala alam yang Allah ciptakan ini adalah tunduk di bawah kekuasaanNya. Manusia pada hakikatnya tidak berhak untuk mempunyai harta. Mereka cuma mempunyai hak mempergunakannya dengan sebaik-baiknya dan sentiasa berusaha ke arah kemajuan. Allah telah mengurniakan kepada manusia dengan segenap kemudahan, kerana itu diperintahkan mereka supaya menyelidiki segala isi bumi semampunya. Firman Allah :

وابتغ فيما آتاك الله الدار الآخرة ولا تنس نصيبك من الدنيا  
واحسن كما احسن الله اليك ولا تبغ الفساد في  
الأرض، إن الله لا يحب المفسدين .<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Nadzim Hj Abd Rahman, "Cara-cara pengendalian harta sepencarian di mahkamah-mahkamah", Kertaskerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, Jabatan Shari'ah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983), hlm. 1

<sup>2</sup> al-Qur'<sup>ā</sup>n, Surat al-Nisa', 4 ; 132.

<sup>3</sup> al-Qur'<sup>ā</sup>n, Surat al-Qasaṣ, 28:77 .

Maksudnya :

"Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagian) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan".

Firman Allah lagi :

هو انشاكم من الارض واستحكم فيها .... 1

Maksudnya :

"Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya....."

Maksud pemakmur itu ialah manusia dijadikan sebagai penghuni dunia untuk menguasainya dan memakmurkan dunia.<sup>2</sup>

Menurut Abdul Kadir Audah, semua harta adalah milik Allah dan umat manusia hanya boleh mengambil dan menikmati menfa<sup>c</sup>atnya sahaja, tiada lain.<sup>3</sup>

Firman Allah :

.... لا اله الا هو خالق كل شى  
فاعبدوه ، وهو على كل شى وكيل 4

Maksudnya :

"....Tidak ada Tuhan selain Dia, Pencipta segala sesuatu, maka sembahlah Dia, dan Dialah pemelihara segala sesuatu".

---

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Hūd, 11-61.

<sup>2</sup> al-Qur'ān, Terjemahan Yayasan Penyelenggara al-Qur'ān (Indonesia : Jakarta, 1971), hlm. 336

<sup>3</sup> Abd. Qadīr <sup>c</sup>Audah, alih bahasa: Haji Salahuddin Abdullah, Harta dan Pemerintahan dalam Islam (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1983), hlm. 56

<sup>4</sup> al-Qurān, Surat al-'An<sup>c</sup>am, 6:102

Allah memiliki sama ada berbentuk ekonomi atau tidak. Seorang pun tidak boleh mengakui sesuatu itu miliknya dan berhak dari yang lain. Semua manusia berkewajipan mengambil faedah dan menerokai dari apa yang Allah rezkikan, kerana Allah jadikan semuanya setaraf untuk mendapatkan rezki yang Allah limpahkan. Firman Allah :

قل من يرزقكم من السموات والأرض، قل الله<sup>1</sup>

Maksudnya :

"Katakanlah : Siapakah yang memberi rezki kepadamu dari langit dan bumi?. Katakanlah : Allah".

Oleh kerana Allah S.W.T telah menciptakan seluruh alam untuk memenuhi keperluan umat manusia, maka Allah juga telah menentukan dan mentaqdirkan bahawa umat manusia itu saling sandar menyandar antara sesama mereka, supaya mereka dapat hidup teratur di dalam sebuah masyarakat yang padu, kokoh dan utuh, juga supaya mereka dapat bekerjasama untuk membina hidup secara manusia yang beroleh rida Allah S.W.T.<sup>2</sup> Firman Allah :

...ورفعنا بعضهم فوق بعض درجات ليتخذ بعضهم بعضا سخريا<sup>3</sup>

Maksudnya :

"....dan Kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat, agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain".

---

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat Saba' , 34:24

<sup>2</sup> Abd. Qadir <sup>c</sup>Audah, Harta dan Pemerintahan dalam Islam, hlm. 9.

<sup>3</sup> al-Qur'ān, Surat al-Zukhruf, 43:32



Manusia yang dilantik sebagai wakil menguruskan harta yang umpama pinjaman dari Allah itu, janganlah bersikap tamak dan kedekut. Mereka yang memperolehi rezki yang banyak hendaklah dengan ikhlas hati membantu mereka yang tiada dan memerlukan. Firman Allah :

فَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ يَجْزِ لَكُمْ أَجْرًا كَبِيرًا<sup>1</sup>

Maksudnya :

"Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafqahkan(sebahagian) dari hartanya memperoleh pahala yang besar"

Dilarang mengambil hak orang lain secara batil, menindas, tidak betul dan sebagainya melalui kuatkuasa undang-undang atau adat-adat yang bercanggah dengan syariat Islam.<sup>2</sup>

Firman Allah :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتَدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ<sup>3</sup>

Maksudnya :

"Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa(urusan)harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui".

---

<sup>1</sup> al-Qur'an, al-Hadid, 57 : 7

<sup>2</sup> Lihat : Abd. Kadir Ismail, :Abde Monir Yaacob, "Harta Pencarian menurut pandangan Islam, Kertaskerja Seminar Faraid peringkat Kebangsaan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983), hlm. 2-3.

<sup>3</sup> al-Qur'an, Surat al-Baqarah, 2 : 188

### 3.13 Islam dan harta pusaka

Telah diketahui, masyarakat <sup>C</sup>Arab sebelum Islam telah memberikan pusaka berdasarkan 'kekuatan' (الرجولة والقوة) tanpa menentukan pembahagiannya kepada kaum perempuan dan kanak-kanak yang kecil dan lemah. Kaum lelaki yang tidak mampu berperang juga dikecualikan dari hak mewarisi pusaka dan harta. Sementara itu di kalangan orang-orang Yahudi pula anak perempuan tidak akan mendapat bahagiannya daripada peninggalan bapanya dan semua harta menjadi milik saudara lelakinya. Mereka, seperti anak perempuan, ibu, saudara perempuan kepada simati tidak mewarisi suatu pun di ketika adanya anak lelaki atau saudara lelaki yang hampir kepada simati. Ini semua memperlihatkan kezaliman terhadap kaum wanita dan waris terdekat semasa wujudnya keluarga yang jauh (الفروع).

Islam telah bangun menentang segala kezaliman, membatalkan segala adat-adat <sup>C</sup>Arab ini yang menyimpang jauh di samping mengekalkan apa yang baik daripadanya. 'Syari<sup>C</sup>at Islam telah mengatur semula dan meletakkan peraturan pusaka ini dengan sebaik-baik peraturan, bijaksana, cara yang terpuji dan menghilangkan perasaan irihati dan ketakutan yang boleh membawa kepada perpecahan. Islam menentukan pemilikan harta tanpa membezakan antara lelaki, perempuan, kecil, besar dan sebagainya, sama ada harta itu yang bersifat tetap (rumah, tanah) atau sebaliknya (pangkat, kebesaran).

Di peringkat awal, Islam hanya membiarkan adat ini serta tidak dijelaskan kepada mereka sesuatu pun sehingga hijrahnya Rasulullah SAW ke Yathrib. Kemudian, satu sistem pusaka yang bercorak sementara berdasarkan hijrah dan persaudaraan

antara Muhajirin dan Ansar telah dijadikan sebab untuk mempusakai, menggantikan sistem adat <sup>c</sup>Arab itu. Islam yang ada di Madinah membahagikan pusaka kepada saudara yang berhijrah tanpa paksaan. Firman Allah :

ان الذين امنوا وهاجروا وجهدوا باموالهم وانفسهم في سبيل الله والذين اووا ونصروا اولئك بعضهم اولياء بعض والذين امنوا ولم يهاجروا مالكم من ولايتهم من شئ حتى يهاجروا وان استنصروكم في الدين فعليكم النصر الا على قوم بينكم وبينهم ميثاق والله بما تعملون بصير والذين كفروا بعضهم اولياء بعض الا تفعلوه تكن فتنة في الارض وفساد كبير والذين امنوا وهاجروا وجهدوا في سبيل الله والذين اووا ونصروا اولئك هم المؤمنين حقا لهم مغفرة ورزق كريم والذين امنوا من بعد وهاجروا وجهدوا معكم فاولئك منكم واولوا الارحام بعضهم اولى ببعض في كتب الله ان الله بكل شئ عليم <sup>1</sup>

Maksudnya :

" Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwanya pada jalan Allah dan orang-orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin), mereka itu satu sama lain lindung melindungi. Dan (terhadap) orang-orang yang beriman, tetapi belum berhijrah, maka tiada kewajiban sedikit pun atasmu melindungi mereka, sebelum mereka berhijrah. (Akan tetapi) jika mereka meminta pertolongan kepada mu dalam (urusan pembelaan) agama, maka kamu wajib memberikan pertolongan kecuali terhadap kaum yang telah ada perjanjian antara kamu dengan mereka. Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. Adapun orang-orang yang kafir, sebahagian mereka menjadi perlindung bagi sebahagian yang lain. Jika kamu (para Muslimin) tidak melaksanakan apa yang telah diperintah Allah, nescaya akan terjadi kekacauan di muka bumi dan kerosakan yang besar. Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan member pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin), mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Mereka beroleh keampunan dan rezki (ni<sup>c</sup>mat)

---

<sup>1</sup> al-Qur'an, Surat al-Anfāl, 8 : 72-75

yang mulia. Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian berhijrah dan berjihad bersamamu, maka orang-orang itu termasuk golonganmu (juga). Orang-orang yang mempunyai hubungan qarābat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan qarābat) di dalam Kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu".

Kandungan ayat ini menunjukkan permulaan pusaka itu dengan sebab qarābat di antara Muhajirin dan Ansar sepertimana yang diriwayatkan daripada Ibn<sup>c</sup>Abbas, Hassan, Mujāhid dan selain mereka.<sup>1</sup> Setelah ikatan keislaman telah bertapak kuat di dalam diri orang-orang Islam dan ramainya orang-orang<sup>c</sup> Arab yang menganut Islam selepas pembukaan Kota Mekah (فتح مكة), di nasakhkan pusaka dengan sebab Hijrah seperti Sabda Rasulullah SAW : .....

لا هجرة بعد الفتح<sup>2</sup>

Maksudnya : "Tiada Hijrah selepas pembukaan Kota Mekah...".

Apabila sempurna segala-galanya dan kekuatan Islam telah ketara, Al-Qur'ān telah membatalkan pusaka dengan sebab Hijrah itu. Firman Allah :

.... وأولوا الأرحام بعضهم أولى ببعض في كتب الله  
من المؤمنين والمهاجرين إلا أن تفعلوا إلى أوليائكم  
معروفاً .....<sup>3</sup>

Maksudnya :

"...Dan orang-orang yang mempunyai hubungan darah satu sama lain lebih berhak (waris mewarisi) di dalam Kitab Allah daripada orang-orang mukmin dan orang-orang Muhajirin, kecuali kalau kamu mahu berbuat baik..."

---

<sup>1</sup> Abū al-Yaqqān<sup>c</sup> Atiyyah al-Jabūri, Hukmu al Mīrath Fī al-Sharī'at al-Islāmiyyāt, hlm. 28

<sup>2</sup> Mohd Ibn Isma<sup>c</sup>il al-Kahlānī, Subul al-Salām Sharhun Bulugh al-Marām Min Adillat al-Ahkām, Juzu' 4 (Qahirat: Dar al-Fikri, t.t ), hlm. 43

<sup>3</sup> al-Qur'ān, Surat al- Ahzāb, 33 : 6

Kemudian dibatalkan pula pusaka dengan sebab pengambilan anak angkat. Firman Allah :

... وما جعل اربياءكم ابنائكم ، ذلكم قولكم بافواهكم  
والله يقول الحق وهو يهتد السبيل . ارفعوهم  
لابائهم هو اقسط عند الله ، فان لم تعلموا  
اباءهم فاخوانكم في الدين ومواليكم ...<sup>1</sup>

Maksudnya :

"...Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu(sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataanmu di mulut sahaja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan Dia menunjuk jalan yang benar. Panggillah mereka(anak-anak angkatmu itu) dengan (memakai) nama bapa-bapa mereka, itulah yang lebih adil di sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan hamba-hambamu..."

Islam menentukan supaya menjalankan wasiat harta peninggalan :

Firman Allah :

كتب عليكم اذا حضر احدكم الموت ان ترك خيرا  
الوصية للوالدين والاقربين بالمعروف  
حقا على المتقين .<sup>2</sup>

Maksudnya :

" Diwajibkan ke atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika dia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat kepada ibu bapa dan kaum qarabatnya secara ma'ruf. (Ini adalah kewajiban) atas orang-orang yang bertaqwa".

Setelah itu Islam menentukan bahagian-bahagian pusaka sama ada harta itu sedikit atau banyak kepada anak-anak dan perempuan yang tidak mendapat pusaka di zaman Jāhiliyyat dahulu. Qadar nya tidak dinyatakan ketika ini.

---

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Ahzāb, 33 : 4-5

<sup>2</sup> al-Qur'ān, Surat al-Baqarat, 2 : 180

Firman Allah :

للرجال نصيب مما ترك الوالدان والأقربون وللنساء  
نصيب مما ترك الوالدان والأقربون مما قل منه  
أو أكثر، نصيباً مفروضاً ١

Maksudnya :

" Bagi orang lelaki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibubapa dan qarabatnya, dan bagi orang perempuan ada hak bahagian dari harta peninggalan ibubapa dan qarabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan ".

Islam telah membatalkan sistem pusaka di zaman Jahiliyyat secara beransur-ansur sehinggalah akhirnya dibatalkan keseluruhannya secara ditil menerusi Firman Allah :

يوصيكم الله في أولادكم للذكر مثل حظ الأنثيين، فإن كانا نساءً  
فوق اثنتين فلهن ثلثا ما ترك وإن كانت واحدة فلها النصف  
ولا يوريه لكل واحد منهما السدس مما ترك إن كان له ولد، فإن لم يكن  
له ولد وورثه أبوه فلأمه الثلث، فإن كان له أخوة فلأمه السدس من بعد  
وصية يوصي بها أو دين، وأبناؤكم وأبنائكم لا تدرون أيهم أقرب لكم  
نفعاً، فريضة من الله، إن الله كان عليماً حكيماً  
ولكم نصف ما ترك أزواجكم إن لم يكن لهن ولد، فإن كان لهن ولد  
فلكم الربع مما تركن من بعد وصية يوصين بها أو دين، ولهـن الربع  
مما تركتم إن لم يكن لكم ولد، فإن كان لكم ولد فلهن الثمن مما  
تركتم من بعد وصية توصون بها أو دين، وإن كان رجل يورث  
كلية أو امرأة وله أخ أو أخت فلكل واحد منهما السدس  
فإن كانوا أكثر من ذلك فهم شركاء في الثلث من  
بعد وصية يوصي بها أو دين غير مضار وصية من الله  
والله عليم حكيم ٢

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Nisā', 4 : 7

<sup>2</sup> al-Qur'ān, Surat al-Nisā', 4 : 11-12



Maksudnya :

" Allah mensyari<sup>c</sup>atkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu. Iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan, dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua maka bagi mereka  $\frac{2}{3}$  dari harta yang ditinggalkan, jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka dia memperoleh separuh harta. Dan untuk dua orang ibubapa, bagi masing-masing  $\frac{1}{6}$  dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak. Jika yang meninggal itu tidak mempunyai anak, ia diwarisi oleh ibubapanya, maka bagi ibunya  $\frac{1}{3}$ . Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, ibunya mendapat  $\frac{1}{6}$ . (Pembahagian-pembahagian tersebut) setelah dipenuhi wasiat yang dia buat atau sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) faedahnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Dan bagimu (suami-suami)  $\frac{1}{2}$  dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika mereka mempunyai anak, kamu mendapat  $\frac{1}{4}$  dari harta yang ditinggalkan setelah dipenuhi wasiat dan dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh  $\frac{1}{4}$  harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak maka para isteri mendapat  $\frac{1}{8}$  dari harta yang kamu tinggalkan setelah ditunaikan wasiat yang kamu buat atau (dan) setelah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati sama ada lelaki atau perempuan yang tidak meninggalkan ayah atau anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan seibu, maka masing-masing dari kedua jenis saudara itu  $\frac{1}{6}$  harta. Jika saudara-saudara seibu itu melebihi seorang, maka mereka berkongsi pada  $\frac{1}{3}$ , sesudah dibuat wasiat atau dibayar hutang dengan tidak memberi mudarat (kepada ahli waris). Allah menetapkan yang demikian itu sebagai syari<sup>c</sup>at yang benar dari Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun".

Firman Allah lagi :

يَسْتَفْتُونَكَ، قُلِ اللَّهُ يَفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ، إِنْ أَمْرُو  
هَكَذَا لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ  
وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا  
أُخْتَيْنِ فَلَهُمَا الثَّلَاثُ مِمَّا تَرَكَ، وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً  
رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلَّذَكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ،

بين الله لكم ان تضلوا والله بكل شيء عليم .<sup>1</sup>

Maksudnya :

"Mereka meminta fatwa kepadamu tentang kalālah (seorang yang mati tidak meninggalkan ayah dan anak). Katakanlah : Allah memberi fatwa kepadamu tentang Kalalah (iaitu) jika seorang meninggal dunia dan dia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu  $\frac{1}{2}$  dari harta yang ditinggalkannya. Dan saudara lelaki mempunyai (seluruh harta saudara perempuan) jika dia tidak mempunyai anak. Jika saudara perempuan itu 2 orang, maka bagi keduanya  $\frac{2}{3}$  dari harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal. Dan jika mereka (ahli waris itu) terdiri dari saudara-saudara lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepadamu supaya kamu tidak sesat. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Sebab turunya ayat-ayat ini ialah daripada peristiwa isteri Sa<sup>c</sup>ad Ibn Rubai<sup>c</sup>y datang bertemu Rasulullah SAW, bersama 2 orang anak perempuannya. Sa<sup>c</sup>ad telah mati syahid di dalam peperangan Uhud. Bapa saudara anak mereka telah mengambil segala harta Sa<sup>c</sup>ad itu dan tidak memberikan kepada mereka. Lantas turun ayat pusaka ini selepas itu. Kemudian Rasulullah SAW pun menyatakan kepada bapa saudara mereka "Berikan 2 anak perempuan Sa<sup>c</sup>ad  $\frac{2}{3}$  dan isterinya  $\frac{1}{8}$  dan baqinya untuk engkau", (Diriwayatkan daripada Jābir).<sup>1</sup>

Dalīl-dalīl Tasyri<sup>c</sup> Pusaka :

1. al-Qur'ān (al-Kitāb)

Kitab al-Qur'ān begitu bersungguh-sungguh menjelaskan dan menerangkan secara ditil mengenai pusaka. Tidak ada suatu

---

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Nisā', 4 : 176

<sup>2</sup> Saiyid Sabiq, Fiqh al-Sunnat, Jilid 3 (Beirūt : Dār al-Kitāb al-<sup>c</sup>Arabī, 1977), hlm. 603



pun di dalam perundangan yang diambil secara mendalam seperti mana dilakukan kepada pusaka. Di dalam semua urusan, al-Qur'an menjelaskan secara umum dan meninggalkan cabang-cabang tetapi di dalam pusaka diterangkan cabang-cabang ( **حزئيات** ) dengan ditil dan menyeluruh di dalam Surat al-Nisā' : 11, 12 dan 176.

## 2. al-Sunnat

Sunnat banyak menerangkan dan menyempurnakan lagi hukum-hukum di dalam al-Qur'ān. Firman Allah :

وما ارسلنا من قبلك الا رجالا نوحي اليهم  
فاسئلوا اهل الذكر ان كنتم لا تعلمون  
بالبين<sup>1</sup> والزبر وانزلنا اليك الذكر لتبين للناس  
ما نزل اليهم ولعلهم يتفكرون

Maksudnya :

" Dan Kami tidak mengutus sebelum kamu, kecuali orang-orang lelaki yang Kami beri wahyu kepada mereka, maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui, dengan membawa keterangan-keterangan (mu'jizat) dan kitab-kitab. Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an, agar kamu menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan ".

al-sunnat menjelaskan lagi hukum-hukum yang tiada dalam al-Qur'an seperti diriwayatkan oleh Ibn <sup>c</sup>Abbas R.A :

عن ابن عباس رضي الله عنهما ان رسول الله (ص)  
ورث جده سدا<sup>2</sup>

Maksudnya :

" Sesungguhnya Rasulullah telah mewariskan kepada datuk sebanyak 1/6.

Rasulullah juga menerangkan bahawa para Rasul tidak mewarisi dan sebagainya lagi.

---

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Nahli, 16 : 43-44

<sup>2</sup> Abi <sup>c</sup>Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwīni, Sunan Ibn Mājat, Juzuk 2 (Qāhirat : Dār Ihya', 1952), hlm. 910

### 3. al-Ijma' dan Ijtihad

Ijma' dan Ijtihad para sahabat, imam-imam mazhab dan Mujtahid-mujtahid kenamaan mempunyai peranan yang tidak kecil sumbangannya terhadap pemecahan-pemecahan masaalah pusaka yang belum dijelaskan oleh nas-nas yang sorih.<sup>1</sup> Umpamanya Ijmak menjadikan saudara perempuan sebapa (الاخت لأب) sebagai saudara sebenar (الشقيقة) ketika tiadanya saudara lelaki sebapa (أخ لأب) dan menjadikan cucu lelaki (ابن ابن) seperti anak lelaki (ابن) ketika tiadanya anak perempuan kepada anak lelaki kepada anak lelaki (بنت ابن ابن).

#### Pengertian Ilmu Pusaka (علم الميراث)

Pusaka di dalam bahasa Arab disebut 'الميراث' iaitu masdar dan kadang-kadang dinyatakan sebagai maf'ul bih (مفعول به).

Dari segi bahasa, ia mempunyai 2 pengertian :

1. Berkekalan (البقاء). Allah dinamakan dengan 'الوارث' kerana kekalnya Allah di hari yang tiada kekal selainNya (Qiamat) Disebut juga kekal setelah musnahnya segala kejadian.
2. Perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seorang yang lain, satu golongan kepada golongan yang lain. Perkara ini sama ada berbentuk حسي (harta) atau معنوي (pangkat, kekayaan, ilmu pengetahuan).

Penerima pusaka dinamakan : وارثون , وارث , وارثا

Simati yang memberi hak dinamakan : موروثا

---

<sup>1</sup> Fathur Rahman, Ilmu Waris (Bandung : al-Ma'arif, 1975), hlm. 33

Pusaka dari segi istilah ialah :

Fuqaha' telah meletakkan persoalan pusaka di dalam suatu perbahasan yang khusus dinamakan 'علم الموارث'. Ianya membahaskan syarat-syarat pusaka dan bahagian-bahagian yang perlu bagi setiap waris dan furu<sup>c</sup>nya. Dinamakan juga ilmu Faraid (علم الفرائض). Fuqaha' telah menta<sup>c</sup>rifikannya sebagai qaedah-qaedah fiqhiyyat dan perkiraan (حساب), diketahui dengannya mereka yang berhak terhadap harta peninggalan serta bahagian-bahagiannya.

Saiyid Sabiq menulis :

1      الفرض في الشئع هو النصيب المقرر للوارث  
(Faraid pada syara<sup>c</sup> ialah bahagian yang ditentukan kepada waris-waris)

pada istilah <sup>c</sup>Ulama' pusaka ialah saham yang ditentukan kepada waris-waris secara syar<sup>c</sup>iy seperti  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$ ,  $\frac{1}{6}$ .  
Dinamakan اميراث dengan ilmu Faraid kerana pusaka itu mengandungi pusaka secara رحمة<sup>2</sup>, تحصيب, فرض.

#### Sebab-sebab mempusakai

Mempusakai ialah penggantian waris daripada pewaris di dalam pemilikan dan mempergunakan harta miliknya. Amat baik sekiranya penggantian ini diberikan kepada mereka yang dipercayai seperti orang-orang yang banyak menjaga kemuliaan dan martabat yang selalu mendoakan setelah peninggalannya. Umpama

---

<sup>1</sup> Saiyid Sabiq, Fiqh al-Sunnat, hlm. 602

<sup>2</sup> <sup>c</sup>Omar <sup>c</sup>Abdullah, Ahkām al-Mawāriṭh Fī al-Syarī'at al-Islāmiyyat (Qāhira : Dār al-Ma'ārif, 1966), hlm. 12

nya anak-anak. Ibubapa dan keluarga terdekat (أصول) yang banyak bersusah payah mendidik dengan kasih sayang dan memberikan nafqah, atau mereka yang banyak menolong semasa kesusahan seperti qarabat dan ذوى الأرحام dan suami isteri, mereka yang telah mengorbankan sebahagian hartanya untuk membebaskan dari pada perhambaan (مولى العتاقة), mereka yang membuat janji setia dan berjasa mengislamkannya (مولى الموالاة). Jika tidak didapati mereka ini, pusaka akan berpindah ke Baitul Mal untuk kepentingan umat Islam.

Qarabat merupakan faktor utama pewarisan pusaka kerana ianya melalui kelahiran yang merupakan asal kewujudan manusia dan tidak mungkin terhapus.

Qarabat iaitu hubungan nasab dan darah antara orang-orang yang mewarisi dengan orang-orang yang mewariskan.<sup>1</sup>

Qarabat mengandungi :

1. Ūsul : Bapa ke atas
2. Furu<sup>c</sup> : Anak-anak dan ke bawah
3. Hawasyi : Cabang-cabang keluarga yang mempunyai hubungan

dengan simati seperti ذوى الأرحام hingga ke عصبان .

Mereka ini mempusakai mengikut darjat kedudukan lemah atau kuat dengan simati. Contohnya Usul dan Furu<sup>c</sup> mempunyai kedudukan yang sama di dalam pusaka. Dinyatakan dalam Surat al-Nisā':11

Semua anak berkongsi pada harta peninggalan tanpa membezakan antara mereka. Dibahagikan kepada mereka bahagian-

---

<sup>1</sup> Abū al-Yaqzān <sup>c</sup>Atiyyat al-Jabūri, Hukmu al-Mīrath Fī al-Syarī'at al-Islāmiyyat, hlm. 35

bahagian yang telah ditentukan seperti pusaka kepada

Ketika tiada furu<sup>c</sup> dan Ūsul, pusaka akan berpindah kepada

ابناء الأم - dan saudara perempuan sebapa- (المحواشي) (anak-anak lelaki bagi ibu-  
أخوة لأب - yang mewarisi seperti  
waris (الإشقاء).

Semua peraturan ini untuk menjaga hubungan kekeluargaan, supaya hidup bersatu selepas kematian simati dan berkasih sayang antara keluarga. Harta pula tidak akan berhimpun hanya kepada seorang dengan membiarkan yang lain memencilkan diri dan hidup terpisah. Jurang perbezaan antara yang berharta dan miskin akan terhapus. Permusuhan, irihati dan benci membenci sesama ahli keluarga dapat dihindarkan. Sebab itulah Islam menjadikan Zawil Arham itu walau pun mempunyai hubungan yang jauh dari simati dapat mewarisi di ketika ketiadaan mereka yang terhampir demi menjaga hubungan kekerabatan dan mengharapakan kebaikan.

Dapat dikatakan polisi sistem pusaka Islam ialah mengatur hak waris-waris selain dari harta itu sebagai keseluruhannya.<sup>1</sup> Islam sebagai agama yang Universal menjamin kepentingan individu serta masyarakat tanpa membataskan hukum-hukum terhadap kategori harta tertentu. Islam mengatur sistem pusakanya sebagai satu pemberitahuan atau maklumat mengenai hubungan kekeluargaan Islam, memperkukuhkan ikatan darah antara ahli-ahlinya. Di waktu yang sama mengelakkan perbalahan dan

---

<sup>1</sup> Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat, hlm. 95

terenggangan keluarga.

Susunan kekeluargaan di dalam Islam adalah berkait rapat dengan sistem pusaka. Ini disebabkan di dalam Islam, sistem pusaka berasaskan susunan keluarga yang bersifat keibu bapaan (parental) menyeluruh yang mengakui haq bahagian pusaka anggota keluarga dari kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan, dari sedekat-dekat hingga sejauh-jauhnya yang ada pertalian darah dan perkahwinan.<sup>1</sup>

Dengan ini nyatalah sistem pusaka Islam itu mempertingkatkan dan memperluaskan hubungan persaudaraan dengan mencakup keseluruhan keluarga yang ada hubungan darah dan perkahwinan ke dalam rangkaian haq dan jaminan harta peninggalan waris masing-masing.

---

<sup>1</sup> Abu Urwah, Wanita dan Kekeluargaan (Petaling Jaya : Pustaka Salam, 1986), hlm. 126-127

3.14 Pandangan Islam terhadap amalan pembahagian  
pusaka menurut Adat Perpatih. Perbandingannya.

Melalui pengkajian yang teliti, didapati sistem pembahagian pusaka secara adat Perpatih ini adalah tidak berseesuaian, bahkan ianya bertentangan dengan prinsip Islam, walaupun matalamat sebenar pewujudannya amat baik dan telah lama diperaktikkan.

Antara sebab-sebab mengapa dianggap begitu :

1. Harta pusaka yang diketahui di dalam adat Perpatih adalah lebih khusus daripada pusaka Islam. Masyarakat adat Perpatih menganggap harta itu milik sesuatu suku/perut, dipusakai secara turun temurun menurut nisab ibu/perempuan.

Kejahilan orang-orang Melayu tentang hukum pusaka Islam dapat dianggap sebagai fakta utama memudahkan penerimaan sistem suku.<sup>1</sup> Islam menolak sama sekali pembahagian pusaka yang tidak adil, mementingkan suku tertentu serta mengene-pikan hak-hak pihak yang lain. Oleh itu Islam menegakkan keadilan dengan merubah dari akar umbinya dan membawa konsep yang haq dan benar-benar bertanggungjawab.<sup>2</sup>

Di dalam Islam, harta pusaka itu ialah apa jua harta Syar<sup>c</sup>iy yang menjadi peninggalan simati. Ianya boleh diwarisi dan diakui haq bahagian oleh waris-warisi lelaki atau perempuan dari setiap lapisan keluarga, sama ada dari taraf

---

<sup>1</sup> Othman Ishak, Hubungan Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat, hlm. 91

<sup>2</sup> Abu Urwah, Wanita dan Kekeluargaan, hlm. 127



yang paling rendah(anak cucu) atau sesiapa sahaja dari ahli keluarga, asalkan waris yang menurut syara<sup>c</sup> serta tiada pula sesuatu yang menghalang atau mendinding.

2. Perempuan-perempuan yang mewarisi tanah pusaka menurut adat ini, hanya mewarisi hak pakai dan mengguna. Mereka tidak boleh menukar nama, menjual atau menggadai. Menurut Islam, segala harta pusaka sama ada tanah atau lainnya manakala menjadi pusaka kepada seseorang, ia menjadi haq milik mutlak kepadanya. Pemilik boleh menjual, menghibah, menukar nama, menggadai dan melakukan apa sahaja ke atas harta itu menurut yang diredai oleh syara<sup>c</sup>, seperti dia melakukan pada harta-harta yang lain yang dimiliki dengan titik peluhnya sendiri.<sup>1</sup>
3. Terdapat setengah pihak mengatakan sistem pusaka adat ini termasuk ke dalam waqaf keluarga secara Islam. Tetapi apa yang menghairankan, di waktu ketadaan waris perempuan di dalam suku, harta ini boleh dilelong dan diberikan hasilnya kepada anak lelaki. Menurut Islam harta itu tidak akan menjadi harta waqaf kecuali terdapat syarat-syarat sahanya yang sempurna. Harta waqaf tidak boleh dilelong apabila pihak yang mewaqafkan telah tiada.<sup>2</sup>
4. Sistem pusaka secara adat Perpatih ini juga telah menjadikan kedudukan lelaki lebih rendah dan lemah dari kaum perempuan. Malahan di dalam situasi yang mendesak, perempuanlah sebagai pembela nasib mereka. Ini bercanggah dengan dasar kekeluargaan Islam di mana kaum lelaki dipertanggungjawabkan untuk

---

<sup>1</sup> Abd. Kadir Hj Isma<sup>c</sup>il, Sistem Pusaka Islam, hlm. 36

<sup>2</sup> Untuk lanjut : Ibid., hlm. 37

memelihara masalah perempuan. Mereka berada di suatu kedudukan yang lebih daripada perempuan. Allah berfirman menyatakan keadaan ini :

الرجال قومون على النساء بما فضل الله  
بعضهم على بعض وبما انفقوا  
من أموالهم ....<sup>1</sup>

Maksudnya :

" Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum perempuan oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka(lelaki) atas sebahagian yang lain(perempuan) dan kerana mereka(lelaki) telah menafqahkan sebahagian dari harta mereka....".

Firman Allah lagi :

.... وللرجال عليهن درجة ...<sup>2</sup>

Maksudnya :

"....Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya...."

Adat Perpatih bertentangan dengan ajaran Islam. Di dalam Islam, Allah telah menciptakan undang-undang dan peraturan hidup untuk diamalkan sepenuhnya bagi kebahagiaan dunia dan akhirat. Undang-undang Islam adalah adil dan saksama. Kaum lelaki dan perempuan telah ditetapkan haq dan tanggungjawab masing-masing. Mengenai pembahagian harta pusaka, Islam telah melebihkan bahagian untuk kaum lelaki kerana merekalah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ahli-ahli keluarga.

---

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Nisā', 4 : 34

<sup>2</sup> al-Qur'ān, Surat al-Baqarat, 2 : 228

Sebaliknya di dalam sistem adat Perpatih harta pusaka seratus peratus dimiliki oleh kaum perempuan sedangkan tanggungjawab masih lagi terletak di tangan lelaki. Di sinilah letaknya ketidakadilan adat Perpatih.<sup>1</sup>

5. Harta pembawa, sekiranya dari carian bujang bagi lelaki, jikalau dia meninggal dunia, harta ini akan jatuh kepada saudara perempuan. Ini tidak bersesuaian dengan Islam. Di dalam Islam, harta-harta ini akan bertukar milik kepada waris-warisnya menurut Islam.

6. Tentang harta dapatan, manakala perempuan yang memilikinya meninggal dunia, ianya akan berpindah kepada anak perempuan nya. Ini juga bertentangan dengan prinsip Islam sekiranya terdapat lagi waris-waris yang lain terutamanya anak lelaki.

7. Mengenai harta carian, harta ini juga diagehkan mengikut cara yang tidak selaras dengan Islam. Pemberiannya hanya kepada beberapa waris sahaja iaitu suami atau isteri dan kepada anak-anak dengan cara tidak menentukan dengan tepat kadar masing-masing malahan didasarkan kepada timbangrasa sahaja.<sup>2</sup>

8. Apabila berlaku perceraian, suami harus meninggalkan sebahagian daripada bahagian hartanya kepada anak-anak, pada apa jua harta. Ini disebabkan di bawah sistem adat Perpatih anak-anak menjadi kepunyaan ibu dan sukunya. Tanggungjawab ayah terhenti sama sekali. Ini tidak berlaku di dalam

---

<sup>1</sup> H.A. Hamidi Jora, "Adat Perpatih Tidak Demokratis", hlm. 38

<sup>2</sup> Abd. Kadir Isma<sup>c</sup>il, Sistem Pusaka Islam, hlm. 38

undang-undang Islam, di mana bapa mempunyai tanggungjawab ke atas pemeliharaan anaknya sehingga mereka dewasa.<sup>1</sup>

9. Di dalam sistem Adat Perpatih, anak angkat melalui upacara 'perkadiman' berhak mewarisi harta, sepertimana anak perempuan sebenar. Islam telah menolak dan membatalkan sistem pusaka secara 'menganak angkat' ini, melalui Surat al-Ahzāb ayat 5. Pewarisan harta melalui perkadiman 'adat dan pusaka' ini adalah bertentangan dengan Islam, kerana masih kedapatan waris-waris yang berhak ke atas harta itu. Anak angkat hanya berhak mendapat harta dari wasiat, pemberian kepada mereka ini pula hendaklah dipersetujui oleh waris-waris simati.

Dinyatakan Adat Perpatih itu diwujudkan bagi menjaga kaum perempuan agar tidak menderita. Jika kita perhatikan dengan waras, seolah-olah hukum Islam yang Allah ciptakan itu tidak sempurna serta tidak menjamin nasib kaum wanita. Islam sesuai di mana-mana. Sekiranya terdapat kelemahan di mana-mana bukan bererti hukum syara<sup>c</sup> itu tidak baik tetapi manusia sendiri yang tidak bijaksana mentadbirkannya, lebih mengutamakan undang-undang ciptaan manusia. Dengan apa yang telah dijelaskan di atas, tentu dapat kita fahami sedikit sebanyak mengapa sistem pembahagian pusaka di dalam adat Perpatih itu dikatakan bertentangan dengan dasar-dasar Islam. Perlulah kita menjauhi dari melakukan penindasan dan ketidakadilan terhadap sebahagian waris serta menjauhi dari mengambil dan memakan harta yang bukan haq kita secara batil, Firman Allah

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ  
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ.....<sup>1</sup>

<sup>1</sup> al-Qur'ān, Surat al-Nisā', 4 : 29

Bermaksud :

" Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang salah, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu.. "

### 3.15 Pandangan masyarakat umum terhadap Adat Perpatih

Di dalam perkara ini, penulis telah menyediakan beberapa soalan kaji selidik mengenai sistem pusaka di dalam adat Perpatih serta pandangan masyarakat terhadapnya. Beberapa kawasan telah terlibat seperti daerah Kuala Pilah, Johol, Jelebu, Rembau dan Seremban di Negeri Sembilan. Walau pun hanya sebahagian kecil sahaja yang terlibat, penulis tetap beranggapan ianya mewakili sebahagian besar masyarakat di Negeri Sembilan seterusnya masyarakat adat Perpatih. Terdapat diantara mereka ini pula pemegang-pemegang jawatan penting di dalam adat Perpatih seperti Lembaga, Buapak dan sebagainya.

Boleh dikatakan kebanyakan masyarakat adat Perpatih di Negeri Sembilan ini terdiri dari golongan yang sederhana iaitu lebih kurang 76%. 23% adalah miskin dan sementara itu 10.5% berpendapatan tinggi. Dengan pendapatan yang boleh di anggap agak memuaskan ini, mereka mampu untuk memiliki tanah secara persendirian sekiranya tidak memperolehi bahagian pusaka atau kerana ingin berdikari mencari harta sendiri.

Telah dimaklumi pembahagian pusaka adat Perpatih ini lebih mengutamakan pihak perempuan daripada lelaki. Sebanyak 84.21% bersetuju dengan pembahagian cara ini. Mereka mempunyai alasan-alasan yang tersendiri seperti perempuan akan mempunyai tempat berlindung apabila terjadi perkara-perkara yang tidak diingini umpama perceraian atau ditinggal suami. Ini sebagai pertolongan kepada pihak perempuan yang dianggap sebagai kaum yang lemah, agar kehidupan mereka terjamin dan tidak terumbang-ambing. Pusaka ini patut diutamakan kepada mereka sebagai

ganjaran khidmat mereka yang berperanan menjaga dan memelihara kedua orang tua/ibubapa apabila mereka tua nanti. Melalui pusaka secara turun temurun ini ,serta tegahan penjualan harta tersebut terkandung juga kebaikan daripadanya. Di samping ia kekal di tangan sesuatu suku, harta (tanah) ini juga tidak akan berpindah milik kepada bangsa asing selamanya. Ini akan menjamin kedudukan harta(tanah) tersebut. Beberapa pihak pula tidak bersetuju dengan pembahagian pusaka yang ada kini., (21.05%). Ini disebabkan lelaki bertindak sebagai orang yang bertanggungjawab menanggung keluarga, bukannya perempuan. Dengan memiliki harta yang banyak akan menyebabkan kaum perempuan mudah bangga diri, melawan saudara lelaki atau suami, merasa mereka lebih berkuasa atau terpenting. Sebab yang paling utama ialah cara itu telah menyalahi hukum Allah, melebihi bahagian lelaki daripada perempuan.

Pengagehan pusaka yang diamalkan di dalam adat Perpatih sering menimbulkan rasa tidak puashati dan perselisihan sesama waris-waris. 71.05% menyokong keadaan ini. Mereka berpendapat perselisihan ini akan terus berkekalan selagi berlakunya pembahagian yang tidak adil, berat sebelah, tidak ikhlas serta tidak mengikut ketetapan yang telah diatur oleh Islam. Kepuasan sudah tentu tidak tercapai hingga ke bila-bila. Punca utama tidak puashati ini ialah segi pengutamaan kepada pihak perempuan. Seorang anak lelaki tentu akan merasa tercabar apabila hak yang sepatutnya dimiliki diwariskan kepada orang lain yang tidak berhak serta lebih jauh ikatan kekeluarganya. Ketidakpuasan dan kemarahan itu akan bertambah lagi apabila anak lelaki itu berkahwin dengan perempuan luar adat Perpatih yang tiada memiliki harta dan ramai tanggungannya.



Perselisihan dan tidak puashati terjadi sekiranya tiada persefahaman dan irihati di dalam pembahagian pusaka. Ada didapati pihak yang begitu mementingkan harta, tamak serta tidak menepati janji dan amanah kedua ibubapa yang telah meninggal dunia. Ini berlaku apabila ibubapa tidak sempat untuk membahagi-bahagikan harta kepada anak-anak dan waris semasa hidup. Keluasan dan kesuburan tanah yang berlainan juga mengakibatkan lahirnya rasa tidak berpuashati ini.

Perlu dimaklumi, mungkin perselisihan ini berlaku juga kepada harta bukan adat yang sepatutnya dibahagikan menurut syara<sup>c</sup>. Sekiranya dikaji, perselisihan tidak akan berlaku seandainya dihapuskan sifat tamakkan harta dan inginkan sesuatu yang lebih dari orang lain. Ada yang berpendapat, keadaan ini terjadi adalah akibat dari ketidakfahaman tentang adat yang sebenarnya. 70% adalah berpuashati dan bersetuju agar diteruskan pembahagian pusaka menurut apa yang ada sekarang. Sementara 30% berpendapat ianya perlu diubah mengikut sistem pusaka I Islam.

Adat Perpatih jika dilaksanakan sepenuhnya mengikut undang-undang adat sebenar adalah baik. Ini bukan dilihat dari satu sudut tetapi dari segala aspek. Melalui aspek kemasyarakatan adat Perpatih lebih bersifat tolong menolong antara waris -waris di dalam apa juga keadaan dan bentuk. Apa yang menjadi punca masalah sebenarnya ialah terdapat pengamal adat yang bersikap tamak dan ingin membolot.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Mohd Yusof Saman, 17 Nov. 1986.

### 3.16 Penyelesaian

Sebenarnya pengagehan harta pusaka ini menimbulkan perselisihan di mana-mana sahaja. Keadaan ini tidak mengira adakah mereka pengamal adat Perpatih, adat Temenggong atau apa jua bangsa. Ianya akan lebih jelas lagi sekiranya sifat tamak dan ingin menguasai harta terdapat di dalam diri seseorang.

Di dalam adat Perpatih, masalaah milik harta tidak seharusnya timbul. Sebenarnya tiada seorang pun yang patut memilikinya, baik anak lelaki atau perempuan. Jika harta pusaka itu dikatakan hak perempuan kenapa ianya tidak boleh dijualbeli dan anak lelaki pula boleh <sup>9</sup>menusahakan dan memakan hasilnya. Pihak perempuan hanya berhak di atas nama sahaja bagi memudahkan pengurusannya seperti membayar cukai. Penghijrahan anak lelaki pula hukanlah lari dari kandungan adat 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'. Tujuan mereka berhijrah itu ialah untuk menyahut seruan kerajaan menjayakan rancangan-rancangan pembangunan.<sup>1</sup>

Adat Perpatih tiada yang salahnya tetapi pentadbir yang bertanggungjawab kurang faham atau tidak mengikut peraturan adat seperti :

4. Tanah pusaka adat tidak boleh dijual kepada suku yang lain.

Tetapi pada akhir-akhir ini ramai ibu yang tiada anak :

---

<sup>1</sup> Redzwan Datuk Raja Mohd Dom, " Adat Perpatih Tidak Demokratis ditegur", Dewan Masyarakat (Mac 1975), hlm. 41

perempuan untuk mewarisinya telah menjualkannya kepada suku lain.

2. Memberikan tanah pusaka yang bukan pada haknya seperti kepada anak angkat bangsa lain, pada hal ramai lagi waris pusaka yang layak menerimanya.

Untuk mengelakkan pertelingkahan dan huru hara, patut kita sedari perkara-perkara berikut :

1. Apabila memilih Besar, Buapak dan Lembaga janganlah dipilih mereka yang jahil dalam adat walau pun sepatutnya giliran dia memegang jawatan itu. Akibatnya membawa kerosakan yang susah diperbetulkan.
2. Peraturan-peraturan yang tiada di dalam adat Perpatih jangan cuba ditambah bersendirian menurut hawa nafsu sendiri oleh orang yang berkuasa di dalam waris dan anak buah.<sup>1</sup>

Dengan kedatangan Islam telah dibuat peraturan mengenai pembahagian pusaka, perubahan telah dibuat iaitu :

1. Isteri berhak terhadap harta perkongsian, sepertimana bahagian dalam harta pencarian. Sekiranya simati (suami) tiada mempunyai anak dan harta itu sedikit, isteri boleh mengambil semua harta. Didalam kes-kes lain isteri mengambil bahagiannya menurut keadaan.
2. Baki harta itu dibahagi menurut undang-undang Islam tetapi bahagian isteri sebanyak  $\frac{1}{8}$  atau  $\frac{1}{4}$  perlu dipertimbangkan untuk menentukan bahagiannya yang khas.

---

<sup>1</sup> Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris, Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan, hlm. 91-93

Pertelingkahan antara hukum Islam dengan sistem adat dapat diselesaikan dengan memperkenalkan undang-undang yang baru. Dengan berbuat demikian, seseorang dapatlah menggunakan asas-asas teori klasik Islam dalam perundangan. Keadaan ekonomi yang khusus tentang masyarakat Islam di luar bandar perlu dibuat pembaharuan demikian bagi memenuhi kehendak-kehendak negara. Umpamanya di dalam hal pembahagian harta simati kepada waris-waris patut dibahagikan nilai harta itu antara mereka, bukan bahagian-bahagian harta yang sebenarnya. Ini adalah perlu bila simati meninggalkan harta yang sedikit, sama ada sebidang tanah sebagai yang selalu berlaku di kalangan masyarakat Melayu, atau barang-barang lain. Dengan menggunakan teori yang peraktikal ini, bukan sahaja harta yang sedikit itu dapat dipelihara di kalangan keluarga simati, tetapi juga boleh dikembangkan untuk faedah mereka sendiri. Kita mengikut syor yang dibuat oleh Prof. Ahmad Ibrahim bahawa untuk memenuhi keperluan masyarakat Melayu, ada beberapa pendapat dari Fuqaha' Shafie yang patut diberi perhatian semula. Antara lain ialah peraktik adat dalam pembahagian harta sepencarian suami isteri. Mengikut peraturan, sama bahagian mestilah diamalkan, yang mana hukum Islam sebagai keseluruhannya hendaklah diselenggarakan dengan wajarnya dan dikuatkuasakan. Dengan ini al-Qur'an dan Hadith boleh dengan wajarnya diinterpretasi semula berdasarkan teori klasik Ijtihad dan Ijma<sup>c. 1</sup>

---

<sup>1</sup> Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat, hlm. 127-128

### 3.17 Kesimpulan dan Penutup

Setelah kita melihat sistem pusaka di luar Islam, didapati sistem-sistem ini kurang kemas dan bercanggah dengan tujuan asalnya. Sistem-sistem ini mungkin diwujudkan dengan tujuan dan maksud yang baik tetapi di sebaliknya telah berlaku penindasan serta ketidakadilan terhadap sesuatu golongan. Oleh kerana semua sistem ini hasil ciptaan kecenderungan pemikiran manusia yang serba kekurangan, sudah tentu mereka tidak dapat mengetahui kepentingan sebenar sistem itu diadakan. Adakalanya sistem ini dipengaruhi oleh naluri dan nafsu atau menurut kehendak alam sekeliling.

Sistem pusaka di zaman Jahiliyyat berkemungkinan sesuai dengan penghidupan mereka yang sentiasa berperang antara satu sama lain, tetapi sebenarnya mereka melupai tanggungjawab dan pembelaan terhadap kaum perempuan dan kanak-kanak yang lemah. Ini jelas memperlihatkan ketidakadilan sistem mereka itu.

Di Tanah Melayu pula terdapat 3 bentuk adat yang menjadi amalan masyarakat Melayu, iaitu adat Perpatih, adat Temenggong dan adat Kampung. Adat Perpatih yang dikatakan berasal dari Sumatera, mengamalkan sistem bersuku. Mereka menganggap suku sebagai satu unit, berbentuk matrilineal, exogamous dan monogamous. Harta adalah milik suku, bukan individu. Disebabkan ianya menjalankan sistem menurut garis keturunan ibu, menjadikan keluarga lelaki tidak berhak mempusakai harta pusaka. Ini jelas bercanggah dengan perinsip hukum Islam. Adat ini juga mengamalkan sistem pengangkatan anak yang bertentangan dengan Islam dan mereka menolak hukum wasiat di dalam Islam.

Adat Temenggong dinyatakan datangnya dari Palembang, Sumatera. Adat ini mengandung ciri-ciri Hindu, bercorak patrilineal dan bersistem monarki. Sistem pusaknya dijalankan dengan membahagi-bahagikan harta kepada beberapa jenis dan memberikannya kepada waris-waris menurut kedudukan. Islam tidak menuntut pembahagian sedemikian, namun ianya merupakan adat kelaziman masyarakat, mempunyai pengaruh yang kuat di Tanah Melayu.

Sesungguhnya Islam tidak menghendaki berlakunya ketidakadilan dan kezaliman kepada umatnya, lebih-lebih lagi di dalam masaalah pusaka. Walau pun semua sistem undang-undang ini perinsip kewujudannya berdasarkan keadaan semasa, demokrasi, timbangrasa dan sebagainya, ianya tetap bertentangan dengan hukum Islam itu sendiri. Harta dijadikan untuk membantu mereka yang memerlukan dengan memberikan kepada mereka hak-hak masing-masing. Oleh itu Islam dengan perundangan Ilahi tidak mendatangkan kebatilan di mana-mana jua, itulah perundangan yang bijaksana.

Al-Qur'ān dan Terjemahan.  
Yayasan Penyelenggara Al-  
Qur'an. Indonesia : Jakarta,  
1971

KITAB HADĪTH

al-Qazwīnī, Abi <sup>c</sup>Abdullah  
Muḥammad bin Yazid.

Sunan Ibn Mājat. 3 Juzuk. Qā-  
hirat : Dar Ihya', 1952.

KAMUS

Gibb, H.A.R., et. al.

The Encyclopaedia of Islam.  
New Edition. 3 Volume. Leiden:  
E.J. Brill, 1960.

BUKU-BUKU <sup>c</sup>ARAB

al-Jabūri, Abū Yaḡzan <sup>c</sup>Atiyyat. Hukmu al-Mirath Fi al- Syari-  
at al-Islamiyyat. Baghdad :  
Dar al-Nazir, 1969.

al-Kahlānī, Muhammad bin <sup>c</sup>Ismāil. Subul al-Salām Sharhun Bulugh  
al-Maram Min Adillat al-Aḥkam.  
4 Juzu'. Qahirat : Dar al-  
Fikri, t.t.

Mūsa, Muhammad Yusof.

al-Tirkat Fī al-Islam. Qāhirat:  
Dar al-Ma'arif, 1967.

Abdullah, Omar.

Aḥkam al-Mawarith Fi al-Syari-  
at al-Islamiyyat. Qahirat :  
Dar al-Ma'arif, 1966.

Sabīq, Sayyid

Fīḥ al-Sunnat. 3 Jilid. Beirūt:  
Dar al-Kitāb al- Arabī, 1977.

BUKU-BUKU BAHASA MALAYSIA

Abdullah Siddik.

Pengantar Undang-undang Adat  
di Malaysia. Kuala Lumpur :  
Universiti Malaya, 1975

Abd. Kadir Hj. Isma<sup>c</sup>il.

Sistem Pusaka Islam. Kuala  
Lumpur : Yayasan Dakwah Isla-  
miah, 1983.



Abd. Samad Idris.

---

Abu Urwah.

Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris.

Audah, Abdul Kadir. alih bahasa oleh Hj. Salahuddin Abdullah.

Dasuki Hj. Ahmad.

Fathur Rahman.

Khoo Kay Kim, ,ied.

Mohd. Sanusi Mahmood.

Nasroen, M.

Nordin Selat .

Othman Ishak.

---

Sidin, H.M.

Hubungan Minangkabau dengan N. Sembilan dari segi sejarah dan kebudayaan. Seremban : Pustaka Asas, 1970.

Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 1968.

Wanita dan Kekeluargaan. Petaling Jaya : Pustaka Salam, 1986.

Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan. Kuala Pilah : Malay Press, 1962.

Harta dan pemerintahan dalam Islam. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1983.

Kamus Pengetahuan Islam. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah, 1976.

Ilmu Waris. Bandung : al-Ma<sup>c</sup>a-rif, 1975.

Melaka dahulu dan sekarang. Kuala Lumpur : Muzium Negara, 1982.

Kamus Istilah Islamiah Sanusi. Kelantan : Pustaka Dian, 1976.

Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Jakarta : Bulan Bintang, 1971.

Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 1976.

Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.

Fatwa dalam Perundangan Islam. Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1981.

Asal-usul Adat Resam Melayu. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1964.

BUKU-BUKU BAHASA INGGERIS

Hooker, M.B., ed.

Readings in Malay Adat Laws.  
Singapore : Singapore University Press, 1970

Hooker, M.B.

Adat Laws In Modern Malaya.  
London : Oxford University Press, 1971.

KERTAS KERJA

Abdullah Siddik.

"Adat dan Modenisasi". Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974).

Abbas Ali.

"Sebahagian dari dasar Adat (tinjauan secara umum)". Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974)

Abd. Kadir Ismail, Abd. Monir Yaacob.

"Harta sepencarian menurut pandangan Islam. K/Kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Syaria<sup>c</sup>ah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983).

Abd. Samad Idris.

"Kemurniaan Dalam Adat Perpatih". K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974)

Azizah Kassim.

"Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih N. Sembilan" K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974)

Hashim Ghani.

"Kata-kata perbilangan dan Tafsirannya". K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974)

Idris Hj. Tain.

"Beberapa konsep penting dalam sistem Adat Perpatih N. Sembilan" K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, N. Sembilan

Manner Jamaluddin.

"Konsep harta di dalam sistem Adat Perpatih". K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974)

Mohd. Sharif Fakeh Hassan.

"Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke N.Sembilan dan kaitannya di Minangkabau". K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974)

Mohd Rais Yatim.

"Undang-undang Adat Perpatih-Common Law and Equity, satu analisa perbandingan". K/Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, N.Sembilan (10-12 April 1974)

Nadzim Hj. Abd. Rahman.

"Cara-cara pengendalian harta sepencarian di mahkamah-mahkamah". K/Kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Syaria<sup>h</sup>, Fakulti Pengajian Islam, UKM (4-5 Jun 1983)

#### MAJALAH-MAJALAH

Ahmad Mohd Ibrahim.

"Islam Customary Law/Malaysia". Intisari, 2.2 (1963)

Hamidi, H.A.

"Adat Perpatih Tidak Demokratis". Dewan Masyarakat (Januari 1975)

Idris Yahya.

"Perpecahan Tanah dan Masaalahnya". Dewan Masyarakat (Januari 1975)

Mohd. Din Ali.

"Two Forces in Malay Society". Intisari, 1.3 . Malaysian Sociological Research Institution (1962)

"Malay Customary Law/Family". Intisari, 2.2. MSRI (1962)

---

Noor Iskandar.

"Jabatan Pemegang Amanah Raya Pentadbiran Pusaka". Hawa (1986)

Kedistan Datuk Raja Mohd  
Saman.

"Adat Perpatih Tidak Demokratis  
ditegur". Dewan Masyarakat  
(Mac 1975)

Tunku Hussain Tunku Yahya.

"Uncracked by the Sun". Inti-  
sari, 1.3 MSRI (1962)

#### RESPONDEN

Encik Mohd Yusof Saman.

Pegawai Petempatan Tingkatan  
Khas, Penolong Pentadbir Tanah  
Daerah dan Magistrate II.  
Pejabat Daerah, Kuala Pilah,  
N. Sembilan. Temubual pada  
12 dan 17 November 1986.

#### HURUF-HURUF SINGKATAN

R.A : Radi Allahu <sup>c</sup>Anhumā

SAW : Sallallahu <sup>c</sup>alaihiwasallam

MSRI : Malaysian Sociological Research Institution.

EMR : Entry in Mukim Register

ed. : editor(penyunting)

et. al : dan pengarang-pengarang lain.

ibid : di tempat yang sama

LAMPIRAN A : Contoh Soalan Kuji Selidik

BAHAGIAN A : BIODATA/LATAR BELAKANG

1. Jantina : Lelaki..... Perempuan.....
2. Umur : Tahun  
18-20.....  
21-30.....  
31-40.....  
41-50.....  
50 ke atas.....
3. Suku(dalam adat Perpatih). Sebutkan.....
4. Daerah Kediaman :.....
5. Taraf Perkahwinan :  
Berkahwin.....  
Bujang.....  
Duda/Janda.....
6. Bilangan adik beradik :.....  
Berapa lelaki.....  
Berapa perempuan.....
7. Adakah anda anak yang sulong(tua) :  
Ya.....  
Tidak, Sebutkan anak ke berapa.....
8. Taraf Pelajaran :  
Tidak bersekolah.....  
Sekolah Rendah(Darjah 6).....  
Sekolah Menengah Rendah(SRP).....  
Sekolah Menengah(SPM/STP).....  
Kolej/Maktab.....  
Universiti.....  
Lain-lain, nyatakan.....
9. Pekerjaan.....
10. Jumlah pendapatan sebulan :  
Kurang dari-\$300.....  
\$301-\$499...  
\$500-\$999...  
\$1,000-\$1,500...

\$1,500-ke atas.....

11. Adakah anda memegang apa-apa jawatan dalam Adat.

Ya, Sebutkan.....

Tidak....

12. Adakah anda dilahirkan di kalangan keluarga/masyarakat

adat Perpatih:

Ya....

Jika tidak:

1. Dari mana asal(negeri) anda.....

2. Kenapa anda berada di sini :

a) Berkahwin dengan lelaki/perempuan  
adat Perpatih....

b) Berdagang mencari rezki....

c) Masaalah keluarga....

d) Lain-lain, nyatakan.....

13. Keluarga anda masih mengamalkan adat Perpatih :

Mengamalkan sepenuhnya....

Mengamalkan hanya sebahagian....

Tidak mengamalkan langsung....

14. Anda memahami adat itu :

Sepenuhnya....

Sebahagian.....

Tidak faham langsung;....

#### BAHAGIAN B : PEMILIKAN HARTA

15. Dalam pemilikan harta, keluarga anda terdiri dari golongan:

Berada(Kaya)...

Sederhana...

Miskin(kurang berada)...

16. Anda ada mewarisi harta pusaka dari orangtua(ibubapa) :

Sepenuhnya...

Sebahagian....

Tiada langsung...

17. Di dalam bentuk apa :

Tanah(Ladang, Kebun)...

Rumah...

Sawah...

Lain-lain, nyatakan....

18. Berapa keluasan tanah/banyak harta pusaka yang diwarisi :

Tanah...

Rumah...

Sawah...

Lain-lain...

19. Selain dari tanah pusaka(melalui pewarisan), adakah anda memiliki tanah/harta secara persendirian :

Ya...

Tidak...

20. Jika ada, berapa keluasan/banyak harta itu :

Nyatakan....

21. Kenapa anda memilikinya melalui persendirian :

Tidak mendapat bahagian pusaka....

Krisis/tidak puashati antara keluarga...

Ingin berdikari....

Lain-lain, nyatakan....

22. Terdapat tanah-tanah pusaka peninggalan orang tua yang terbiar :

Ya, kenapa.....

Tidak, Kenapa.....

23. Sepatutnya pembahagian tanah pusaka itu diutamakan kepada pihak perempuan :

Setuju, kenapa.....

Tidak setuju, kenapa.....

24. Pembahagian pusaka yang diamalkan di dalam adat Perpatih sering menimbulkan perselisihan dan rasa tidak puashati :

Ya, kenapa.....

Tidak, kenapa.....

25. Adakah anda rasakan adat itu mengikat diri, tidak sesuai lagi dan perlu diubah terutama di dalam pembahagian pusaka:

Ya, kenapa.....

Tidak, kenapa.....



26. Cara pembahagian pusaka di dalam adat Perpatih perlu :

- Diteruskan mengikut apa yang ada kini(menurut adat Perpatih).....
- Diubah mengikut pembahagian sistem pusaka Islam(mengutamakan bahagian kepada lelaki)....
- Puashati dengan pembahagian sekarang....

27. Nyatakan masaaalah-masaalah yang sering anda dan masyarakat adat Perpatih hadapi dalam pembahagian harta pusaka.....

.....

28. Pandangan dan cadangan anda terhadap amalan pembahagian pusaka yang dijalankan dalam masyarakat adat Perpatih sekara sekarang.....